MPS 2018

LAPORAN TAHUNAN

Perutusan

Yang Dipertua Majlis Perbandaran Seremban

DATO' HAJI ZAZALI BIN SALEHUDIN



السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Syukur ke hadrat Allah S.W.T dengan limpah rahmat dan izin-Nya, kita telah berjaya menggalas tanggungjawab yang diamanahkan sepanjang tahun 2018. Laporan Tahunan Majlis Perbandaran Seremban diterbitkan sebagai wacana yang melaporkan pelbagai aktiviti, sumbangan, kejayaan dan pencapaian MPS sebagai bukti komitmen warga Majlis dalam memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada warga Seremban.

Selaras dengan hasrat untuk menyediakan suasana kehidupan yang selesa dan sejahtera melalui pembangunan sosioekonomi yang seimbang, pelbagai program dan aktiviti telah dilaksanakan. Pegawai-pegawai dan kakitangan MPS telah menggembleng tenaga melaksanakan usaha-usaha yang berterusan demi kesejahteraan rakyat.

MPS telah melakar beberapa kejayaan pada tahun 2018 yang cukup membanggakan. Antaranya adalah memperolehi sijil MS ISO 9001 : 2015 yang mana kejayaan yang membanggakan. Seterusnya MPS telah berjaya mencapai 5 Bintang Penarafan Bagi Sistem Penarafan Bintang Pihak Berkuasa Tempatan.

Selaras dengan inspirasi untuk menyerlahkan transformasi perkhidmatan awam, warga MPS terus kreatif melahirkan idea-idea baharu dan berani mencari inisiatif untuk mentransformasikan perkhidmatan bagi peningkatan produktiviti, kecekapan dan sahsiah diri dengan hasil signifikan dan mampan. Oleh itu, dengan semangat menyemarak inovasi dan merealisasikan transformasi, warga MPS telah melakar kejayaan sebagai Johan bagi kategori Sosial bagi Pertandingan Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) Peringkat Negeri Sembilan.

Akhir kata, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan syabas buat semua warga MPS atas pelbagai kejayaan yang kita kecapi sepanjang Tahun 2018 berkat kerjasama dan komitmen yang tinggi daripada semua. Semoga penerbitan Laporan tahunan ini dapat dijadikan panduan kepada kita semua untuk meningkatkan lagi sistem penyampaian perkhidmatan.

Sekian, terima kasih



VISI

Memberi Perkhidmatan Perbandaran Yang Efisien Dan Berkualiti Serta Telus Bagi Memastikan Warga Seremban Menikmati Kehidupan Yang Selesa Dan Sejahtera

MISI

Menjadi Majlis Perbandaran Seremban Sebuah Majlis Yang Maju, Bersih Dan Kukuh Kewangannya.

MOTO

Mengutamakan Perkhidmatan Segera Dan Efisien

OBJEKTIF

- Meningkatkan Pembangunan Dan Pengurusan Sumber Yang Cekap Dan Berkualiti
- Pengurusan Kewangan Yang Cekap, berkesan Dan Berakauntabiliti
- Peningkatan Pendidikan Sivik Di kalangan Pelanggan MPS
- Meningkatkan Kerjasama Dengan Agensi Kerajaan, Swasta, Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) dan Badan-Badan Profesional
- Peningkatan Semula Aspek Infrastruktur Dan Prasarana Kemudahan Awam Di Seremban

SENARAI NAMA AHLI MAJLIS TAHUN 2018

MAJLIS PERBANDARAN SEREMBAN



YANG DIPERTUA
Y. Bhg. Dato' Haji Zazali Bin Salehudin

Tingkat 1,
Pejabat YDP,
Majlis Perbandaran Seremban,
Wisma Perbandaran,
Jalan Yam Tuan,
70990 Seremban.



En. Chong Say Hoo

No. 1662
Jalan Kerapu 6,
Taman Permai 3,
70200 Seremban,
Negeri Sembilan.

Kawasan :
ZON 1 (Kepayang)



En. Lee Hon Keong

No. 1662
Jalan Kerapu 6,
Taman Permai 3,
70200 Seremban,
Negeri Sembilan.

Kawasan :
ZON 1 (Kepayang)



En. Gary @ Marimuthu A/L Navappan

No. 29
Jalan Nyior Gading 7,
Taman Nyior,
70100 Seremban,
Negeri Sembilan.

Kawasan :
ZON 3 (Ampangan 3)



En. Mohd Farhan Bin Mohd Salleh

No. 223 Jalan Permai,
Taman Dato' Shahbandar Ampangan,
70400 Seremban,
Negeri Sembilan.

Kawasan :
ZON 4 (Ampangan 4)



En. Sahidin Bin Kardi

No. 17 Jalan TTJ 1/14,
Taman Tuanku Jaafar,
Sg Gadut,
71450 Seremban,
Negeri Sembilan.

Kawasan :
ZON 5 (Ampangan 5)



En. Mohd Halid Bin Daud

No. 27
Jalan Bunga Raya 13,
Taman Tasik Jaya,
70400 Seremban,
Negeri Sembilan.

Kawasan :
ZON 6 (Paroi 6)



YM. Dato' Orang Kaya Kecil Aladzhar Bin Abd Khalid

No. 56, Jln TTJS 3/5,
Taman Tuanku Jaafar,
71450 Sg Gadut,
Seremban,
Negeri Sembilan.

Kawasan :
ZON 7 (Paroi 7)



En. Mohd Zainuddin Bin Mohamad

No. 450 Jalan Senawang Perdana 18,
Taman Senawang Perdana,
71450 Seremban,
Negeri Sembilan.

Kawasan :
ZON 8 (Paroi 8)



En. Mohd Kamarul Ariffin Bin Mohd Wafa

No. 1831 Jalan RJ 2/10,
Taman Rasah Jaya,
70300 Seremban,
Negeri Sembilan.

Kawasan :
ZON 9 (Paroi 9)

SENARAI NAMA AHLI MAJLIS TAHUN 2018

MAJLIS PERBANDARAN SEREMBAN



Pn. Rosmihayati Bt. Mohd Khairuddin

No. 58 Jalan 1/11
Laman Delfina Nilai,
71800 Nilai,
Negeri Sembilan.

Kawasan :
ZON 10 (Paroi 10)



En. MK Ibrahim Bin Abd Rahman

No. 1018
Persiaran Semarak 2,
Taman Panchor Jaya,
70400 Seremban
Negeri Sembilan.

Kawasan :
ZON 11 (Paroi 11)



En. Mohamad Ja'afari Bin Badiaddin @ Rosli

No. 38/50
Gedong Lalang,
Ampangan,
70400Seremban,
Negeri Sembilan.

Kawasan :
ZON 12 (Paroi 12)



En. Lee Chin Yong

No. 65
Taman Sri Pinang,
70200 Seremban,
Negeri Sembilan.

Kawasan :
ZON 13 (Temiang 13)



En. Muniandy A/L Duraisamy

No. 1 Jalan PS 4/17,
Taman Pinggiran
Senawang,
71450 Seremban,
Negeri Sembilan.

Kawasan :
ZON 14 (Senawang 14)



En. Ho Weng Wah

No. 98,
Lorong Kristal 6/1,
Taman Bukit Kristal,
70200 Seremban,
Negeri Sembilan.

Kawasan :
ZON 15 (Lobak 15)



En. Ng Wing Hon

No. 15 Jalan AJ1,
Taman Abok Jaya,
70200 Seremban,
Negeri Sembilan.

Kawasan :
ZON 16 (Lobak 16)



Puan Wong Soon Pin

No. 52,
Kg Baru Mambau,
70300 Seremban,
Negeri Sembilan.

Kawasan :
ZON 17 (Mambau 17)



En. Lim Yau Sin

No. 431
Taman Chip Aik,
70200 Seremban,
Negeri Sembilan.

Kawasan :
ZON 18 (Mambau 18)



Pn. Suri Anak Selutan

No. 84 Persiaran 1,
Taman Bidara Rahang,
70100 Seremban,
Negeri Sembilan.

Kawasan :
ZON 19 (RAHANG 19)

SENARAI NAMA AHLI MAJLIS TAHUN 2018

MAJLIS PERBANDARAN SEREMBAN



En. Husnul Hafiz Bin Abu Bakar

No. 521,
Jalan Bukit Mutiara 16
Taman Bukit Mutiara,
70200 Seremban,
Negeri Sembilan.

Kawasan :
ZON 20 (Sikamat 20)



En. Rosslan Bin Hassan

No. 44,
Jalan Desa Rhu
Sikamat,
70400 Seremban,
Negeri Sembilan.

Kawasan :
ZON 21 (Sikamat 21)



En. Mohd Zulkarnain Bin MohdZaki

No. 135,
Lorong Jujur Kanan 6,
Taman Jujur,
70400 Sikamat,
Negeri Sembilan.

Kawasan :
ZON 22 (Sikamat 22)



En. Noor Iskandar Bin Mohamad Noor

Lot 1650
Kg. Jiboi Baru
Ampangan,
70400 Seremban,
Negeri Sembilan.

Kawasan :
ZON 23 (Sikamat 23)



En.Ciwan A/L Palaniappan

No. 605 Jalan 13/2
Green Street,
Homes Seremban 2,
70300 Seremban,
Negeri Sembilan.

Kawasan :
ZON 24 (Rantau 24)

UNIT TADBIR
MAJLIS PERBANDARAN SEREMBAN

UNIT TADBIR, JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN

1. Unit Tadbir Jabatan Khidmat Pengurusan Pada Dasarnya Secara Amnya Menguruskan Perkara Berikut:-

i. Tempahan Sewaan Peralatan Dewan
ii. Surat Menyurat Am
iii. Menguruskan Insurans Majlis
iv. Memproses Pelbagai Tuntutan Bayaran
v. Pengurusan Aset Majlis
vi. Menguruskan Maklum balas Mesyuarat Agensi Luar
vii. Menguruskan Apartmen Majlis
viii. Menguruskan Unit Letak Kereta
ix. Urusetia Majlis Penuh Dan Mesyuarat Jawatankuasa Maksud Am
x. Menguruskan Hal Ehwal Ahli Majlis
xi. Membantu Menguruskan Acara Rasmi Kerajaan Negeri
xii. Menguruskan Mesyuarat-Mesyuarat Majlis Seperti:-
- Majlis Bersama Jabatan
- Jawatankuasa Integriti Dan Tadbir Urus
- Mesyuarat Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan
- Menguruskan Mesyuarat Bencana
- Mesyuarat Keselamatan Jabatan

LAPORAN TAHUNAN TAHUN 2018 (UNIT TADBIR) JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN

BIL	AKTIVITI	SASARAN	PENCAPAIAN
1.	Urusetia Mesyuarat Jawatankuasa Keutuhan Pengurusan Pentadbiran Jabatan Khidmat Pengurusan	Mesyuarat 12 kali setahun	100%
2.	Urusetia Taklimat Buku Log Kenderaan MPS	Taklimat 3 kali setahun	100%
3.	Urusetia Mesyuarat Pemandu/ Unit Pembersihan dan Pengawal Keselamatan	Mesyuarat 4 kali setahun	100%
4.	Urusetia Majlis Makan Malam MPS (Jawatankuasa Jamuan)	Setahun sekali	100%
5.	Urusetia Majlis Rumah Terbuka Aidilfitri (Jawatankuasa Jamuan)	Setahun sekali	100%
6.	Urusetia Mesyuarat Jawatankuasa Keselamatan Kesihatan dan Pekerjaan MPS	Mesyuarat 4 kali setahun	100%
7.	Urusetia Latihan Kebakaran	Setahun sekali	100%
8.	Pemeriksaan Audit Keselamatan Kesihatan dan Pekerjaan MPS	4 kali setahun	100%
9.	Urusetia Kursus Kesedaran menggunakan PPE	2 kali setahun	100%
10.	Memperbaharui Cukai Jalan Kenderaan MPS setiap bulan	Memproses sebanyak 153 kenderaan	100%
11.	Urusetia Mesyuarat Jawatankuasa Aset Alih Kerajaan (JKPAK)	4 kali setahun	100%
12.	Urusetia Pelupusan Aset	3 kali setahun	100%
13.	Urusetia Pemeriksaan Aset	1 kali setahun	100%
14.	Urusetia Pemeriksaan Verifikasi Stok	1 kali setahun	100%
15.	Laporan Tahunan Aset	1 kali setahun (sebelum 15 Mac)	100%
16.	Laporan Suku Tahun Aset	4 kali setahun (Mengemukakan laporan kepada Pejabat Kewangan Negeri, NS)	100%

BIL	AKTIVITI	SASARAN	PENCAPAIAN
17.	Urusetia Mesyuarat Jawatankuasa Integriti dan Tadbir Urus (JITU)	2 kali setahun (Minit Mesyuarat dikemukakan kepada Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan (Unit Pengurusan Prestasi dan Tatatertib)	100%
18.	Urusetia Mesyuarat Majlis Bersama Jabatan (MBJ)	4 kali setahun (Minit Mesyuarat MBJ dikemukakan kepada Unit Pembangunan Organisasi dan Sistem Maklumat Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri, NS dan kepada Bahagian Saraan, Jabatan Perkhidmatan Malaysia)	100%
19.	Urusetia Mesyuarat Keselamatan Perlindungan Pejabat	2 kali setahun	100%
20.	Audit Dalaman Keselamatan Perlindungan Pejabat (Audit Silang Antara Jabatan)	2 kali setahun	100%
21.	Urusetia Mesyuarat Bencana Alam	1 kali setahun	100%
22.	Mesyuarat Majlis Penuh	12 kali setahun	100%
23.	Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan dan Maksud-Maksud Am	12 kali setahun	100%
24.	Bayaran elaun tetap dan elaun Mesyuarat Ahli Majlis MPS	Menyediakan bayaran 12 kali setahun	100%
25.	Maklumbalas Mesyuarat Kerajaan Negeri:- Mesyuarat Majlis Tindakan Negeri Jawatankuasa Kerja Tindakan Negeri, Mesyuarat Perancang Negeri, Mesyuarat Perumahan dan Kerajaan Tempatan & Kesejahteraan Bandar, Mesyuarat Dwibulanan YDP dan Pegawai Daerah dll	Menyediakan maklumbalas mesyuarat untuk Y.Bhg Dato' YDP / Setiausaha	100%
26.	Mesyuarat dengan kontraktor Letak Kereta	4 kali Setahun	100%

BIL	AKTIVITI	SASARAN	PENCAPAIAN
27.	Mengecat Semula Petak Letak kereta	2 kali setahun	100%
28.	Kutipan Tiket Letak Kereta	Menggunakan Tiket Letak Kereta RM0.60	100%
29.	Kutipan Hasil Letak Kereta oleh kontraktor di lantik	Kutipan sepanjang tahun mengikut syarat-syarat perjanjian	100%
30.	Mengeluarkan Notis Kompaun	Sepanjang tahun	100%
31.	Perjumpaan dengan Pembantu Operasi Letak Kereta	4 kali setahun	100%

1 KERJA-KERJA PELUPUSAN ASET ALIH KERAJAAN MAJLIS PERBANDARAN SEREMBAN SECARA SEBUTHARGA

KERJA-KERJA PELUPUSAN ASET ALIH KERAJAAN MESIN AUTOPAY

Daripada (Unit Terminal 1, MPS)
Jabatan Perancangan
Pembangunan Telah
Dilaksanakan
Pada 15 Februari 2018























2 KERJA-KERJA PELUPUSAN ASET ALIH KERAJAAN MAJLIS PERBANDARAN SEREMBAN SECARA SEBUTHARGA

SASARAN PENCAPAIAN

KERJA-KERJA PELUPUSAN ASET ALIH KERAJAAN PERALATAN PEJABAT

Daripada Jabatan Taman & Landskap Dan Jabatan Penilaian Hartanah, MPS Telah Dilaksanakan Pada 11 Jun 2018









UNIT TADBIR

3 KERJA-KERJA PELUPUSAN ASET ALIH KERAJAAN MAJLIS PERBANDARAN SEREMBAN SECARA MUSNAH DAN TANAM











KERJA-KERJA PELUPUSAN ASET ALIH KERAJAAN PERALATAN PEJABAT

Daripada Jabatan Kewangan, MPS Telah Dilaksanakan Pada 20 Mac 2018

4 LAPORAN KURSUS DAN LATIHAN KEBAKARAN MAJLIS PERBANDARAN SEREMBAN

Latihan kebakaran merupakan antara acara tahunan yang diadakan oleh pihak Majlis Perbandaran Seremban (MPS). Pada tahun ini, Kursus dan Latihan Kebakaran diadakan pada 8 Ogos 2018 dari jam 8.00 pagi hingga 5.00 petang bertempat Di Bilik Pameran, Dewan MPS dan Unit Bengkel, MPS. Latihan kebakaran ini melibatkan peserta daripada 11 jabatan di MPS yang terdiri daripada Jabatan Khidmat Pengurusan, Jabatan Kewangan, Jabatan Kejuruteraan, Jabatan Pelesenan dan Pembersihan, Jabatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi, Jabatan Perancang Pembangunan, Jabatan Komuniti dan Perhubungan Awam, Jabatan Kawalan Bangunan, Jabatan Penilaian Hartanah, Jabatan Undang-undang dan Penguatkuasaan dan Jabatan Taman dan Landskap. Kursus Kebakaran ialah mengenai Pengurusan Keselamatan Kebakaran serta mengetahui mengenai perihal Kimia Kebakaran. Latihan Kebakaran pula melibatkan proses pengosongan bangunan dan berkumpul di satu tempat yang telah ditentukan dan bagaimana kaedah penyelamatan yang sesuai semasa kebakaran.

Sesi Pendaftaran Kakitangan MPS





Sesi Ceramah Pertama Mengenai Pengurusan Keselamatan Kebakaran Oleh Tuan Jamaluddin Bin Marawi, Penolong Pengarah Keselamatan Kebakaran



OBJEKTIF

Memberi pendedahan dan memastikan keseluruhan warga kerja di MPS berpengetahuan dan berpengalaman dalam menghadapi kecemasan kebakaran yang sebenar. Kursus dan Latihan Kebakaran yang diadakan pada kali ini lebih banyak melatih para peserta mengenai kaedah-kaedah untuk menyelamatkan diri dan mangsa semasa kebakaran serta mengetahui perkara yang akan menyebabkan kebakaran berlaku.





Ucapan Alu-aluan
Oleh Encik Hairulazmi Bin Mohd Ali,
Penolong Setiausaha (Tadbir)





Perasmian Kursus Dan Latihan Kebakaran
Oleh Y.Bhg. Dato' Haji Zazali Bin Salehudin,
Yang Dipertua Majlis Perbandaran Seremban





Pemberian Cenderahati Dari Pihak MPS Kepada
Tuan Jamaluddin Bin Marawi, Penolong Pengarah Keselamatan Kebakaran



Sesi Ceramah Kedua
Mengenai Kimia
Kebakaran Oleh
Tuan Jamaluddin Bin Marawi,
Penolong Pengarah
Keselamatan Kebakaran






MPS










BOMBA DAN
MEDICAL RESCUE SERVICES






CSR



UNIT KORPORAT & INOVASI

MAJLIS PERBANDARAN SEREMBAN

BENGKEL PELAKSANAAN PEKELILING KEMAJUAN PENTADBIRAN AWAM (PKPA) BIL.4 TAHUN 2018 MYPORTFOLIO

Pada 23 Oktober dan 25 Oktober 2018 (Selasa dan Khamis) Unit Korporat dan Inovasi telah mengadakan Bengkel Pelaksanaan Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam (PKPA) Bil.4 Tahun 2018 Myportfolio. Ini adalah kerana selaras dengan keputusan YBhg. Tan Sri Ketua Setiausaha Negara (KSN) dalam Mesyuarat Khas Ketua Setiausaha dan Ketua Pengarah yang dipengerusikan oleh KSN pada 16 Ogos 2018 bersetuju bahawa semua agensi Sektor Awam hendaklah menyiapkan Myportfolio selewat – lewatnya pada **30 November 2018**.

Taklimat telah dihadiri seramai 70 orang pegawai dan kakitangan mewakili pelbagai jabatan dan penceramah jemputan ialah Puan Yanti Suzana bt Baharom daripada pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan.









MAJLIS RUMAH TERBUKA MAJLIS PERBANDARAN SEREMBAN



Majlis Rumah Terbuka Majlis Perbandaran Seremban telah diadakan pada 29 Jun 2018 (Jumaat) bertempat di Dewan Besar Majlis Perbandaran Seremban. Majlis Rumah Terbuka tersebut telah dihadiri pegawai dan kakitangan berserta ahli keluarga masing – masing. Majlis tersebut turut diserikan dengan kehadiran YB Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan beserta Exco – exco kerajaan yang baru iaitu terdiri daripada Parti Keadilan Rakyat (PKR), Parti Amanah Rakyat (PAN), Parti Tindakan Demokratik (DAP) dan lain – lain lagi.









AUDIT PERSIJILAN SEMULA MS ISO 9001: 2015

Pada 12 – 14 Disember 2018 (Rabu – Jumaat) Audit Persijilan Semula MS ISO 9001: 2015 telah diadakan selama 3 hari di Majlis Perbandaran Seremban. Pengauditan ini telah dilaksanakan oleh 3 orang auditor dari Sirim Sdn Bhd. Skop pensijilan Majlis Perbandaran Seremban adalah terdiri daripada Kawalan Pembangunan, Kawalan Perniagaan, Pengurusan dan Penilaian Harta, Kutipan Hasil, Pengurusan Penguatkuasaan dan Khidmat Sokongan. Prosedur terdiri daripada Prosedur Utama, Prosedur Sokongan dan Prosedur Pengurusan. Persijilan MS ISO 9001:2015 diteruskan kerana telah mematuhi sistem pengurusan kualiti yang ditetapkan.













KONVENSYEN KUMPULAN INOVATIF DAN KREATIF (KIK) PERKHIDMATAN AWAM NEGERI SEMBILAN TAHUN 2018

Pada 6 – 7 Ogos 2018 (Isnin – Selasa) telah berlangsung Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) Perkhidmatan Awam Negeri Sembilan Tahun 2018 yang telah diadakan di Dewan Theatrette Wisma Negeri, N.Sembilan . Majlis Perbandaran Seremban telah diwakili oleh 2 kumpulan terdiri daripada Jabatan Undang – Undang dan Penguatkuasaan iaitu Kumpulan A – QAR serta Jabatan Perancangan Pembangunan iaitu Kumpulan GEO – PLANNER. Hasil daripada Pertandingan tersebut, Jabatan Undang – Undang dan Penguatkuasaan telah meraih Johan untuk Kategori Inovasi Penciptaan.













KONVENSYEN KUMPULAN INOVATIF DAN KREATIF (KIK) PERKHIDMATAN AWAM NEGERI SEMBILAN TAHUN 2018

Pada 4 September 2018 (Selasa) bertempat di Bilik Sri Seremban, Majlis Perbandaran Seremban telah menerima Lawatan Sambil Belajar Anulae Cawangan Majlis Bandaraya Petaling Jaya ke Majlis Perbandaran Seremban dan Anulae Cawangan Seremban. Seramai 35 Orang Ahli Anulae Cawangan Majlis Bandaraya Petaling Jaya telah hadir ke Majlis Perbandaran Seremban untuk bersama – sama bertukar pendapat dan berkongsi ilmu dengan Anulae Majlis Perbandaran Seremban. Lawatan tersebut telah dipengerusikan oleh Pegawai Perancang Bandar dan Desa iaitu Encik Mohd Daud bin Ahmad.













MAJLIS SEKALUNG BUDI SEJAMBAK KASIH

‘Majlis Sekalung Budi Sejambak Kasih’ bersempena Majlis bagi meraikan Yang Dipertua Majlis Perbandaran Seremban Dato’ Haji Abd Halim bin Hj Abd Latif yang akan bersara pada1 Ogos 2018. Majlis telah diadakan pada 31 Julai 2018 bertempat di dewan MPS dengan penuh meriah yang telah dihadiri semua warga Majlis Perbandaran Seremban.

Dato’ Haji Abd Halim bin Hj Abd Latif yang telah berkhidmat dengan MPS bermula pada 1 september 2004. Pelbagai sumbangan dan jasa bakti beliau telah dicurahkan selama berkhidmat dengan MPS. Sebelum majlis bermula, beliau telah diarak dengan menaiki kereta *‘vintage’* yang diiringi oleh Kenderaan Penguatkuasa. Majlis telah diserikan dengan persembahan nyanyian daripada kakitangan majlis serta nyanyian daripada beliau sendiri. Persembahan montaj juga telah disediakan oleh Unit Korporat dan Inovasi yang terdiri daripada salah satu ucapan selamat bersara daripada Ketua – Ketua Jabatan dan warga majlis. Terima kasih Dato’ Haji Abd Halim bin Haji Abd Latif. Jasamu dikenang.







UNIT AUDIT DALAM

MAJLIS PERBANDARAN SEREMBAN

AKTIVITI / PROGRAM AUDIT

1.	Laporan Tahunan Unit Audit Dalam Tahun 2017
2.	Pengauditan Inspektorat Keselamatan
3.	Pengauditan Pengurusan Aset Alih 2018
4.	Pengauditan Pengurusan Gerai Majlis Perbandaran Seremban
5.	Daftar Bil Oktober – Disember 2017
6.	Pengauditan EKSA Siri 3/2017
7.	Senarai Hantar Daftar Rekod Perolehan Pembelian Terus Oktober – Disember 2017
8.	Senarai Hantar Daftar Rekod Perolehan Sebutharga Oktober – Disember 2017
9.	Pengauditan Pengurusan Aset Alih Dan Pengurusan Stor 2018
10.	Pengauditan Stor Alat Muzik
11.	Pengauditan Buku Rekod Perkhidmatan
12.	Pengauditan Fail Meja
13.	Pengauditan Buku Log Kenderaan Januari – Mac 2018
14.	Pengauditan Sistem Penarafan Bintang Pihak Berkuasa Tempatan (SPB – PBT)
15.	Senarai Hantar Daftar Rekod Perolehan Pembelian Terus Januari – Mac 2018
16.	Senarai Hantar Daftar Rekod Perolehan Sebutharga Januari – Mac 2018
17.	Pengauditan Penyelarasan Aset Alih (Harta Modal)
18.	Pengauditan Piagam Pelanggan Tahun 2018
19.	Pengauditan Buku Log Kenderaan April – Julai 2018
20.	Pengauditan Baucer Bayaran Mac – Jun 2018
21.	Pengauditan Pemeriksaan Mengejut Bil 1/2018 dan 2/2018
22.	Pengauditan Daftar Bil April – Jun 2018
23.	Senarai Hantar Daftar Pembelian Terus dan Sebutharga
24.	Laporan Pengauditan Sistem Penarafan Bintang Pihak Berkuasa Tempatan (SPB -PBT) –KPKT
25.	Pemerhatian Penilaian Pengurusan Kewangan Online Tahun 2018 Melalui Sistem Rating NS
26.	Laporan Status Aduan Awam Di E-Public 28 November 2018
27.	Pengauditan Fail-Fail Sulit, Dokumen-Dokumen Rasmi Dan Buku Am 492A Dan 492B Bil2/2018
28.	Pemerhatian Ke Atas Laporan Kedudukan Stok

PENGAUDITAN MS ISO 9001:2015

Pengauditan MS ISO 9001:2015 merangkumi standard dan proses-proses kerja seperti termaktub di dalam Sistem Prosedur Kualiti (SPK). Objektif pelaksanaan audit dalam adalah untuk memastikan semua proses-proses kerja dilaksanakan dengan sistematik dan berkesan serta memenuhi keperluan MS ISO 9001:2015 melalui penemuan audit dalaman yang dijalankan pada 2 Mac 2018 - 15 Mac 2018 manakala audit susulan pada 11 April 2018 – 13 April 2018.

Pengauditan ini dipecahkan kepada lima (5) kumpulan yang akan menyemak semua proses kerja di semua jabatan seperti berikut:

KUMPULAN	JABATAN TERLIBAT
1	a. Jabatan Komuniti & Perhubungan Awam b. Jabatan Teknologi Maklumat & Komunikasi c. Pengawal Dokumen
2	a. Jabatan Perancangan Pembangunan / OSC b. Jabatan Kawalan Bangunan c. Jabatan Pelesenan & Pembersihan
3	a. Jabatan Kejuruteraan b. Jabatan Taman & Landskap c. Unit Audit Dalam
4	a. Jabatan Penilaian Hartanah b. Jabatan Undang-Undang & Penguatkuasaan c. Unit Bengkel
5	a. Jabatan Kewangan b. Jabatan Khidmat Pengurusan

Hasil audit mendapati penemuan sebanyak tujuh (7) Peluang Penambahbaikan atau *Opportunity for Improvement* (OFI).





PENGAUDITAN PENGURUSAN ASET ALIH & PENGURUSAN STOR MAJLIS PERBANDARAN SEREMBAN

Pengauditan ini dilaksanakan bagi memastikan aset dan stor diurus secara cekap, teratur dan berhemat selaras dengan peraturan kewangan. Pengauditan ini meliputi tiga (3) jabatan dan satu (1) unit iaitu:

1. Jabatan Kewangan
2. Jabatan Teknologi Maklumat & Komunikasi
3. Jabatan Pelesenan & Pembersihan
4. Unit Bengkel



Kereta tolak tidak didaftarkan sama ada mengikut Tatacara Pengurusan
Stor atau Pengurusan Aset Alih





Stok yang belum digunakan tidak disimpan di dalam stor dan tidak direkodkan di dalam Kad Petak (KEW.PS-4)

PEMERHATIAN PENILAIAN PENGURUSAN KEWANGAN SECARA ONLINE TAHUN 2018 MELALUI SISTEM RatingNS

Unit Audit Dalam telah menjalankan Penilaian Pengurusan Kewangan Secara *Online* Tahun 2018 Melalui Sistem Rating NS pada 29 November – 6 Disember 2018. Sistem Rating NS merupakan sistem penilaian yang dilaksanakan bagi tujuan pengauditan secara *self-auditing* semua Jabatan / Agensi Negeri di bawah Pentadbiran Kerajaan Negeri Sembilan. Penilaian ini merangkumi beberapa perkara seperti berikut:

KRITERIA	
A.	KAWALAN PENGURUSAN
B.	KAWALAN BAJET
C.	KAWALAN TERIMAAN
D.	KAWALAN PEROLEHAN/ PERBELANJAAN
E.	KAWALAN PENGURUSAN AMANAH DAN DEPOSIT
F.	PENGURUSAN ASET





KURSUS AUDIT DALAM

Kursus MS ISO 9001: 2015
(Pengurusan Risiko & Audit Dalaman)
Tarikh: 13-15 Februari 2018





SENARAI AKTIVITI INTEGRITI

Tarikh : 20 Jun 2018

BIL	PERKARA	TARIKH
1	Edaran poster integriti	19.4.2018
2	Kemas kini Sudut Integriti	20.6.2018
3	Kursus Integriti	
	3.1 Seminar Integriti Siri 1/2018	12.2.2018
	3.2 Seminar Integriti Siri 2/2018	13.3.2018
	3.3 Konvensyen Integriti PKNS Kali Ke-5 : Pemeriksaan Integriti dan Tadbir Urus Korporat Terbaik	28.8.2018



Sudut Integriti – 20 Jun 2018

MESYUARAT JAWATANKUASA AUDIT MAJLIS PERBANDARAN SEREMBAN BAGI TAHUN 2018

BIL. MESY. J/KUASA AUDIT	TARIKH	HARI	MASA
1/2018	23 Mac 2018	Jumaat	3.00 Petang
2/2018	20 Julai 2018	Jumaat	9.00 Pagi
3/2018	21 September 2018	Jumaat	8.30 Pagi
4/2018	12 Disember 2018	Rabu	9.00 Pagi

JABATAN KAWALAN BANGUNAN
MAJLIS PERBANDARAN SEREMBAN

JABATAN KAWALAN BANGUNAN

OBJEKTIF

- Menerima dan memproses permohonan untuk membina bangunan di dalam kawasan Majlis Perbandaran berpandukan Akta, Undang-undang Kecil dan Polisi sedia ada.
- Memantau pembinaan projek bangunan awam, swasta atau individu dan mengeluarkan notis untuk pematuhan peraturan bangunan.
- Bertanggungjawab bagi pengeluaran permit-permit dan pengeluaran Sijil Layak Menduduki Bangunan dalam Majlis.
- Bertanggungjawab mengeluarkan permit untuk kerja-kerja kecil seperti kerja pembaikian dan pembinaan struktur kecil seperti *awning*.
- Menyediakan data projek perumahan, komersial dan industri apabila diminta oleh Kementerian dan jabatan berkaitan seperti Bank Negara, NAPIC dan kerajaan negeri bagi tujuan pengkajian.
- Menerima dan menyelesaikan aduan awam.
- Melaksanakan kerja perobohan bagi bangunan yang dibina tanpa kebenaran Majlis Perbandaran Seremban.

FUNGSI

- Kawalan Pembangunan (Memproses pelan bangunan dan mengeluarkan Sijil Layak Diduduki).
- Penguatkuasaan (mengambil tindakan terhadap bangunan tanpa kebenaran seperti mengeluarkan notis, kompaun dan tindakan undang-undang terhadap pemilik bangunan).

PROGRAM

Nama Jabatan / Agensi : **JABATAN KAWALAN BANGUNAN / MAJLIS PERBANDARAN SEREMBAN**

Bil	Nama Program	Matlamat Program	Tarikh Dilaksanakan	Kumpulan Sasaran/ Lokasi
1	Lawatan Kerja Ke Dewan Bandaraya Kuala Lumpur Dan Projek Laman Rembia Di Jalan Bukit Bintang	Membincang Dan Berkongsi Ilmu Berkaitan Dengan Pelaksanaan Serta Pembangunan Projek Laman Rembia Di Bukit Bintang, Kuala Lumpur.	20hb September 2018 @ Khamis 9.00 pagi – 2.00 Petang	Masyarakat dan Penduduk Di Kawasan Majlis Perbandaran Seremban Dan Negeri Sembilan.
2	Lawatan Dan Taklimat Perkongsian Bersama Jabatan Kawalan Bangunan Dengan Pusat Pengajian Ukur Bahan, Universiti Teknologi Mara (UiTM), Shah Alam.	Memberi Taklimat Dan Penerangan Peranan Majlis Perbandaran Seremban Serta Jabatan Kawalan Bangunan Dan Sesi Soal Jawab.	3hb Oktober 2018 @ Rabu 9:30 Pagi - 11.30 Pagi	Pelajar Dari Pusat Pengajian Tinggi Awam Dan Swasta Bilik Sungai Ujong, Dewan MPS.



DBKL LAMAN REMBIA
19HB SEPTEMBER 2018











LAWATAN PELAJAR UKUR BANGUNAN, UITM
01HB OKTOBER 2018











JABATAN KEJURUTERAAN

MAJLIS PERBANDARAN SEREMBAN

BAHAGIAN KERJA DAN BANGUNAN









TAJUK : MEMBAIKPULIH BANGUNAN DI PASAR BESAR SEREMBAN
KOS PROJEK : RM 12,543,437.64 (GST: RM752,606.25)









TAJUK : PEMBINAAN GERAI ARKED DI PASARAYA GIANT , SENAWANG
KOS PROJEK : RM 2,538,672.44 (GST: RM143,698.44)





TAJUK : MEMBINA GERAI PENJAJA TAMAN PAROI JAYA
KOS PROJEK : RM 425,425.00









TAJUK : MENGGANTIKAN RUMPUT SINTETIK DI KOMPLEKS SUKAN HAJI SAID
KOS PROJEK : RM 1,759,900.00









TAJUK : MENGGANTIKAN BUMBUNG DI PANGSAPURI SEROJA KASTURI, TAMAN TASIK JAYA
KOS PROJEK : RM 425,425.00













TAJUK : UBAHSUAI DALAMAN BANGUNAN BARU MAJLIS PERBANDARAN SEREMBAN DI FOREST HEIGHT
KOS PROJEK : RM 20,214,550.10 (GST- RM1,212,873.01)









TAJUK : MEMBINA TANDAS LELAKI,PEREMPUAN DAN OKU DI PASAR BESAR SEREMBAN
KOS PROJEK : RM 13,296,043.89

BAHAGIAN JALAN









TAJUK : TURAPAN JALAN DI TAMAN MATAHARI HEIGHT
KOS PROJEK : RM 744,464.71





TAJUK : TURAPAN JALAN DI JALAN PERSIARAN UTAMA S 2/3 SEREMBAN 2
KOS PROJEK : RM 1,217,812.8





TAJUK : TURAPAN JALAN DI TAMAN MATAHARI INDAH
KOS PROJEK : RM 543,603.51









TAJUK : TURAPAN JALAN DI JALAN QUEK QAI DONG SEREMBAN
KOS PROJEK : RM 149,710.00









TAJUK : TURAPAN JALAN DI KG BLOK C , SEREMBAN
KOS PROJEK : RM 284,065.58







TAJUK : MEMASANG LAMPU JALAN DI PERSIARAN MERAK JALAN NURI
KOS PROJEK : RM 206,786.20









TAJUK : MEMASANG LAMPU DI JALAN PERSIARAN RAJAWALI
KOS PROJEK : RM 299,111.00



TAJUK : MEMASANG LAMPU DI KAWASAN PERUSAHAAN (PERSIARAN BUNGA TANJUNG 1)
KOS PROJEK : RM 586,480.00







TAJUK : MEMASANG JALAN LAMPU DI KAWASAN PERUSAHAAN SENAWANG BARU (PERSIARAN BUNGA TANJUNG 2)
KOS PROJEK : RM 614,715.00

JABATAN KEWANGAN

MAJLIS PERBANDARAN SEREMBAN



JABATAN KEWANGAN

OBJEKTIF

- Untuk meningkatkan hasil dan mengurangkan tunggakan serta mengagihkan sumber kewangan secara adil dan berhemah bagi program dan aktiviti mengikut peraturan dan dasar-dasar sedia ada.

FUNGSI

- Penguatkuasaan Cukai Taksiran
- Menguruskan Pembayaran
- Penyata Kewangan Tahunan
- Belanjawan
- Perolehan
- Pelaburan

1 PENGUATKUASAAN CUKAI TAKSIRAN

1.1 Menyelenggara kutipan Cukai Taksiran dan Sewaan

1.2 Menjalankan operasi Kaunter Bergerak





1.3 Mengadakan Kaunter Pandu Lalu di kawasan Majlis Perbandaran Seremban pada bulan membayar cukai taksiran. Kaunter ini juga turut beroperasi sebagai Kaunter Tambahan di mana ia menerima pembayaran dari pembayar yang ingin menjelaskan bayaran secara *'walk-in'.*





2 MENGURUSKAN PEMBAYARAN

2.1 Menyelenggara Pembayaran





3 PENYATA KEWANGAN TAHUNAN

3.1 Rujuk Penyata Kewangan Tahun 2017 seperti dilampiran

4 BELANJAWAN

4.1 Belanjawan bagi Tahun 2019 telah diluluskan di Mesyuarat Majlis Kerajaan Negeri pada 12 Disember 2018.





5 BELANJAWAN

5.1 Menguruskan sebut harga dan perolehan bagi barang-barang

6 PELABURAN

6.1 Membuat pelaburan simpanan tetap



Perbincangan bersama Kementerian Kerja Raya bagi penetapan aset infrastruktur di PBT



Bengkel penyediaan Penyata Kewangan



Lawatan kerja di Majlis Bandaraya Ipoh

LAPORAN PRESTASI KAUNTER BERGERAK CUKAI TAKSIRAN DI KAWASAN PERUMAHAN PADA TAHUN 2018

BIL	TARIKH OPERASI	SEKSYEN	LOKASI HARTA	JUMLAH RUMAH DILAWATI	JUMLAH KUTIPAN
1	09.02.2018	5101	TMN PERMAI	56	660.00
2	24.02.2018	6811	TMN MATAHARI HEIGHTS	231	1,665.00
3	07.04.2018	8001	S'BAN 2 - GN.ST.HMS/CEN PARK/ GDN. HMS / BLOK A - H TOWN CENTRE	30	150.00
4	07.04.2018	8002	S'BAN 2-GDN HOMES / GDN AVE / PARK AVE / FLATS	43	473.00
5	07.04.2018	8005	S2 - C'TRL B'NESS DIST / CITY CTR / HOMES	91	450.00
6	14.04.2018	8004	SEREMBAN 2 - CARCOSA HEIGHTS	35	-
7	14.04.2018	8006	VISION HOMES / AVIVA GREEN, SEREMBAN 2	259	4,118.60
8	14.04.2018	8008	ONE AVENUE, GDN HOMES SEREMBAN 2	17	527.00
9	17.04.2018	2601	TMN RASAH JAYA (KAW LIGHT IND AREA , DLL)	84	900.00
10	21.04.2018	8101	TMN AROWANA IMPIAN, S 2, MAMBAU	64	1,600.00
11	21.04.2018	8102	TMN AROWANA INDAH, S 2	103	950.00
12	21.04.2018	8104	TMN KERISI (RASAH)	30	200.00
13	25.04.2018	4604	SEREMBAN FOREST HEIGHTS	138	900.00
14	26.04.2018	4801	TMN BKT EMAS, JLN TAMPIN	134	-
15	28.04.2018	4103	TMN CENGAL UTAMA	48	400.00
16	28.04.2018	4104	TMN SERI TELAWI	41	432.00
17	26.05.2018	8001	S'BAN 2 - GN.ST.HMS/CEN PARK/GDN. HMS / BLOK A - H TOWN CENTRE	542	15,064.80
18	02.06.2018	8002	S'BAN 2-GDN HOMES / GDN AVE / PARK AVE / FLATS	895	5,277.70
19	07.07.2018	5411	LAVENDER HEIGHTS, SENAWANG	584	8,949.80
20	08.07.2018	5411	LAVENDER HEIGHTS, SENAWANG	634	11,397.70
21	14.07.2018	7301	TMN TASIK JAYA / SPANISH VILLA	571	5,701.20
22	15.07.2018	7301	TMN TASIK JAYA / SPANISH VILLA	900	4,064.00
23	21.07.2018	2208	SEREMBAN 3	589	6,260.00
24	22.07.2018	2208	SEREMBAN 3	308	2,975.60
25	28.07.2018	6601	TMN BKT KEPAYANG / KEPAYANG HEIGHT	494	4,985.10
26	29.07.2018	6601	TMN BKT KEPAYANG / KEPAYANG HEIGHT	466	8,066.60
27	12.08.2018	4102	TMN PANCOR JAYA	903	17,131.50

BIL	TARIKH OPERASI	SEKSYEN	LOKASI HARTA	JUMLAH RUMAH DILAWATI	JUMLAH KUTIPAN
28	12.08.2018	4103	TMN CENGAL UTAMA	382	5,466.20
29	19.08.2018	5101	TMN PERMAI 1 & 2 & 3	964	9,736.80
30	19.08.2018	5102	TMN BUKIT KELISA	119	712.60
31	19.08.2018	5103	TMN DUYUNG (TMN BUKIT TUNKU)	145	2,015.60
32	26.08.2018	310	TMN BKT GALENA, OFF JLN LABU	508	7,503.30
33	26.08.2018	309	TMN JASPER JAYA, OFF JLN LABU	234	1,464.70
34	26.08.2018	7501	TMN MUTIARA GALLA	261	1,375.60
35	26.08.2018	7502	TMN BKT KRISTAL, JLN LABU	326	4,196.30
36	02.09.2018	5002	TMN NYIOR, JALAN MUDA LINGGI	223	3,373.40
37	02.09.2018	5004	TMN NYIOR (RUM RAKYAT DUSUN NYIOR)	204	621.40
38	02.09.2018	4901	TMN DUSUN SETIA, JLN D MUDA LINGGI	245	3,428.65
39	02.09.2018	5001	TMN DUSUN SETIA, JLN D MUDA LINGGI	78	1,202.00
40	02.09.2018	5206	TMN BIDARA, JLN TAMPIN BARU	175	1,316.40
41	02.09.2018	4604	SEREMBAN FOREST HEIGHTS	324	7,523.45
42	23.09.2018	7203	TMN SATRIA, SENAWANG	206	1,565.40
43	23.09.2018	6808	TMN SRI PAGI, SENAWANG	161	1,979.40
44	23.09.2018	7204	TMN DESA IXORA, SENAWANG	170	1,390.40
45	23.09.2018	6807	TMN WIDURI, SENAWANG	137	350.00
46	23.09.2018	7210	TMN MATAHARI INDAH	238	2,757.40
47	23.09.2018	6801	TMN RASA SAYANG SENAWANG	96	1,810.00
48	30.09.2018	8001	S'BAN 2 - GN.ST.HMS/CEN PARK/GDN. HMS / BLOK A - H TOWN CENTRE	905	16,610.20
49	30.09.2018	8004	SEREMBAN 2 - CARCOSA HEIGHTS	44	3,311.80
50	07.10.2018	8002	S'BAN 2- GDN AVE / PARK AVE /	285	7,480.35
51	07.10.2018	8003	S'BAN 2 - EMERALD PARK / GREEN HOMES	54	850.00
52	07.10.2018	8005	S2 - CITY HOMES	268	3,569.00
53	07.10.2018	8006	VISION HOMES / AVIVA GREEN, SEREMBAN 2	320	5,129.65
54	07.10.2018	8101	TMN AROWANA IMPIAN, S 2, MAMBAU	120	2,487.25
55	07.10.2018	8102	TMN AROWANA INDAH, S 2	142	870.00
56	21.10.2018	5411	LAVENDER HEIGHTS, SENAWANG	510	11,951.50
57	21.10.2018	6811	MATAHARI HEIGHTS	133	999.80
58	21.10.2018	7301	TMN TASIK JAYA	401	9,343.60

BIL	TARIKH OPERASI	SEKSYEN	LOKASI HARTA	JUMLAH RUMAH DILAWATI	JUMLAH KUTIPAN
59	28.10.2018	4101	TMN PAROI JAYA	147	-
60	28.10.2018	4001	TMN PAROI JAYA	170	4,380.70
61	28.10.2018	4103	TMN CENGAL UTAMA	155	50.00
62	28.10.2018	4104	TMN SERI TELAWI	112	520.00
63	28.10.2018	4105	TMN BKT MARGOSA	121	1,997.80
64	28.10.2018	5801	TAMAN AMPANGAN	434	9,998.90
65	04.11.2018	5301	TMN BKT CHEDANG	268	5,858.35
66	04.11.2018	2901	TMN RASAH JAYA	180	950.00
67	04.11.2018	2601	TMN RASAH JAYA	174	2,733.20
68	04.11.2018	2801	TMN RASAH JAYA	194	1,192.20
69	04.11.2018	2401	TMN BKT NURI INDAH	115	825.00
70	04.11.2018	2501	TMN RASAH JAYA	146	-
71	04.11.2018	6601	TMN BKT KEPAYANG	409	7,160.30
72	11.11.2018	4603	TMN SEREMBAN	43	762.60
73	11.11.2018	4601	TMN SEREMBAN (SEREMBAN GARDEN)	13	-
74	11.11.2018	1907	TAMAN KELAB TUANKU	389	4,480.05
75	11.11.2018	1910	TMN ANGSAMAS	565	4,568.90
76	11.11.2018	4401	TMN BKT KAYA	77	678.00
77	18.11.2018	7210	TMN MATAHARI INDAH	203	2,519.00
78	18.11.2018	7401	TMN SRI MAWAR	388	4,214.00
79	18.11.2018	7209	TMN JASMIN	450	3,916.70
80	25.11.2018	5413	TMN DESA KEMUNING	115	1,248.20
81	25.11.2018	7204	TMN DESA IXORA, SENAWANG	125	1,720.00
82	25.11.2018	7201	TMN KOBENA	123	1,352.80
83	25.11.2018	5404	TMN DESA DAHLIA	233	2,410.40
84	25.11.2018	3101	TMN MARIDA	205	3,158.05
85	25.11.2018	3201	TMN MARIDA	79	1,719.60
86	25.11.2018	7205	TMN DESA MELOR	226	4,439.80
87	25.11.2018	7206	TMN DESA ANGGERIK	126	-
			JUMLAH KESELURUHAN	**23,725**	**321,438.20**

LAPORAN PRESTASI KAUNTER BERGERAK CUKAI TAKSIRAN DI KAWASAN PREMIS PERNIAGAAN PADA TAHUN 2018

BIL	TARIKH OPERASI	SEKSYEN	LOKASI HARTA	JUMLAH RUMAH DILAWATI	JUMLAH KUTIPAN
1	03.04.2018	5412	TMN P'NIAGAAN SNWG(BUSINESS PARK)	30	-
2	03.04.2018	5414	TMN SENAWANG JAYA BUSINESS CENTER	51	965.80
3	03.04.2018	5415	BANDAR PRIMA SENAWANG	15	-
4	04.04.2018	6602	OAKLAND IND PARK / COM CTR / SQ / TMN MEGAH	51	-
5	05.04.2018	6604	PUSAT KOMERSIAL OAKLAND / SQUARE	98	3,000.00
6	10.04.2018	7403	TMN PERSADA CATTLEYA	53	-
7	11.04.2018	7501	GALLA INDUSTRIAL PARK / TMN MUTIARA GALLA	28	472.00
8	17.04.2018	2601	TMN RASAH JAYA (KAW LIGHT IND AREA , DLL)	5	-
9	18.04.2018	5103	KEMAYAN SQUARE & KOMPLEX MALL	71	-
10	19.04.2018	205	JLN TUANKU MUNAWIR & KM PLAZA (JLN LEMON)	37	-
11	24.04.2018	8007	S2-BIZ AVN/JUSCO/UP TOWN AVN/DLL	49	-
12	25.04.2018	4604	SEREMBAN FOREST HEIGHTS	18	-
13	26.04.2018	4801	TMN BKT EMAS, JLN TAMPIN	9	-
14	28.06.2018	101	JLN DATO BANDAR TUNGGAL (JLN BIRCH)	4	-
15	04.07.2018	103	JLN YAM TUAN (JLN PAUL)	6	-
16	05.07.2018	201	LRG JAWA I & II	6	-
17	08.07.2018	5411	LAVENDER HEIGHTS, SENAWANG	179	-
18	14.07.2018	7301	TMN TASIK JAYA / SPANISH VILLA	186	-
19	22.07.2018	2208	SEREMBAN 3	48	500.00
20	29.07.2018	6601	TMN BKT KEPAYANG / KEPAYANG HEIGHT	60	702.00
21	26.08.2018	7501	MUTIARA GALLA INDUSTRI	66	-
22	12.09.2018	6602	OAKLAND IND PARK / COM CTR	86	-
23	19.09.2018	7208	PUSAT BANDAR BARU SENAWANG	38	-
24	21.10.2018	5114	LAVENDER HEIGHTS, SENAWANG	37	-
			JUMLAH KESELURUHAN	**1,231**	**5,639.80**

KUTIPAN KAUNTER BAYARAN PANDU LALU KEWANGAN PADA BULAN FEBRUARI DAN OGOS 2018

TARIKH	BIL. AKAUN	99501 (RM)	76101 (RM)	76102 (RM)	76103 (RM)	JUMLAH (RM)
22.02.2018	132	79,181.70	340.00		60.20	79,581.90
23.02.2018	111	59,752.55	120.00			59,872.55
26.02.2018	225	87,300.10	420.00			87,720.10
27.02.2018	182	290,562.05	588.20		31.00	291,181.25
28.02.2018	90	15,360.20	400.00			15,760.20
15.08.2018	22	3,214.20	60.00			3,274.20
16.08.2018	55	23,548.90	100.00			23,648.90
17.08.2018	93	19,936.80	186.00			20,122.80
20.08.2018	35	5,119.20	40.00			5,159.20
21.08.2018	60	10,592.45	323.00		60.95	10,976.40
23.08.2018	11	1,100.00	40.00			1,140.00
24.08.2018	27	7,033.20	160.00		37.05	7,230.25
27.08.2018	56	10,021.85	100.00			10,121.85
28.08.2018	76	117,318.55	460.00		16.45	117,795.00
29.08.2018	138	54,930.18	320.00		281.02	55,531.20
30.08.2018	70	36,025.40	140.00			36,165.40
				JUMLAH KESELURUHAN		**825,281.20**

LAPORAN KUTIPAN KAUNTER BERGERAK SEWA BAGI BULAN JANUARI - DISEMBER 2018

BULAN	TARIKH	JUMLAH KUTIPAN (RM) (a)	KUTIPAN GST (RM) (b)	JUMLAH KESELURUHAN KUTIPAN (RM)
JAN	09.01.18	1,971.00	118.15	2,089.15
	10.01.18	21,167.00	1,266.90	22,433.90
	11.01.18	14,355.00	859.90	15,214.90
	12.01.18	5,765.00	345.90	6,110.90
	16.01.18	8,272.00	496.32	8,768.32
	24.01.18	5,890.00	353.40	6,243.40
FEB	06.02.18	1,754.00	105.15	1,859.15
	07.02.18	33,982.00	2,038.80	36,020.80
	08.02.18	18,250.00	1,096.70	19,346.70
	09.02.18	7,990.00	479.40	8,469.40
	12.02.18	14,838.00	855.66	15,693.66
MAC	06.03.18	1,921.00	115.20	2,036.20
	07.03.18	34,884.00	2,095.95	36,979.95
	08.03.18	16,698.70	986.40	17,685.10
	09.03.18	7,060.00	423.60	7,483.60
	12.03.18	6,452.00	387.10	6,839.10
	22.03.18	13,965.00	837.90	14,802.90
APRIL	10.04.18	2,210.00	132.45	2,342.45
	11.04.18	33,095.00	1,985.55	35,080.55
	12.04.18	17,094.00	1,027.80	18,121.80
	13.04.18	8,565.00	513.90	9,078.90
	16.04.18	22,262.95	1,332.15	23,595.10
	23.04.18	4,170.00	250.20	4,420.20
MEI	08.05.18	2,023.00	121.30	2,144.30
	14.05.18	8,853.00	531.00	9,384.00
	15.05.18	22,040.95	1,322.45	23,363.40
	16.05.18	10,895.00	3,580.00	14,475.00
	28.05.18	11,485.00	4,150.00	15,635.00

BULAN	TARIKH	JUMLAH KUTIPAN (RM) (a)	KUTIPAN GST (RM) (b)	JUMLAH KESELURUHAN KUTIPAN (RM)
JUN	06.06.18	21,375.00	492.80	21,867.80
	07.06.18	9,390.00	141.00	9,531.00
	08.06.18	7,490.00	122.70	7,612.70
	11.06.18	3,900.00	162.00	4,062.00
	27.06.18	5,865.00	158.10	6,023.10
JULAI	10.07.18	2,830.00	20.10	2,850.10
	11.07.18	1,060.00	17.70	1,077.70
	12.07.18	22,046.90	335.10	22,382.00
	13.07.18	7,820.00	39.30	7,859.30
	17.07.18	8,760.00	0.00	8,760.00
OGOS	08.08.18	10,011.90	22.35	10,034.25
	09.08.18	18,199.50	130.50	18,330.00
	12.08.18	6,812.40	111.60	6,924.00
SEPT	12.09.18	9,123.80	1.20	9,125.00
	13.09.18	17,275.00	0.00	17,275.00
	18.09.18	10,560.00	300.00	10,860.00
OKT	10.10.18	10,395.80	5.10	10,400.90
	11.10.18	19,641.00	76.50	19,717.50
	15.10.18	9,100.00	0.00	9,100.00
NOV	12.11.18	11,223.00	0.00	11,223.00
	13.11.18	17,325.00	39.90	17,364.90
	14.11.18	6,230.00	0.00	6,230.00
DIS	11.12.18	10,660.00	0.00	10,660.00
	12.12.18	9,904.00	0.00	9,904.00
	13.12.18	17,995.00	25.80	18,020.80
JUMLAH KUTIPAN KESELURUHAN		**632,901.90**	**30,010.98**	**662,912.88**

SIJIL KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
MAJLIS PERBANDARAN SEREMBAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
MAJLIS PERBANDARAN SEREMBAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017

Laporan Mengenai Penyata Kewangan

Pendapat

Penyata Kewangan Majlis Perbandaran Seremban telah diaudit oleh wakil saya yang merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2017 dan Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Aset Bersih serta Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut, ringkasan polisi perakaunan yang signifikan dan nota kepada penyata kewangan seperti dinyatakan pada muka surat 1 hingga 47.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Majlis Perbandaran Seremban pada 31 Disember 2017 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia dan Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171).

Asas Kepada Pendapat

Saya telah melaksanakan pengauditan berdasarkan Akta Audit 1957 dan *The International Standards of Supreme Audit Institutions*. Tanggungjawab saya dihuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam laporan ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain

Saya adalah bebas daripada Majlis Perbandaran Seremban dan telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan *The International Standards of Supreme Audit Institutions.*

Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit Mengenainya

Ahli Majlis Majlis Perbandaran Seremban bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap penyata kewangan Majlis Perbandaran Seremban tidak meliputi maklumat lain selain daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

Tanggungjawab Ahli Majlis Terhadap Penyata Kewangan

Ahli Majlis bertanggungjawab terhadap penyediaan penyata kewangan Majlis Perbandaran Seremban yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia dan Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171). Ahli Majlis juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan penyata kewangan Majlis Perbandaran Seremban adalah bebas daripada salah nyata yang ketara sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan penyata kewangan Majlis Perbandaran Seremban, Ahli Majlis bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Majlis Perbandaran Seremban untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakannya sebagai asas perakaunan.

Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada penyata kewangan Majlis Perbandaran Seremban secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Laporan Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut *The International Standards of Supreme Audit Institutions* akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut *The International Standards of Supreme Audit Institutions*, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

a. Mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam penyata kewangan Majlis Perbandaran Seremban, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, merangka dan

melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan, kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman.

b. Memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Majlis Perbandaran Seremban.

c. Menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai, kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Ahli Majlis.

d. Membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Ahli Majlis dan berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Majlis Perbandaran Seremban sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Laporan Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam penyata kewangan Majlis Perbandaran Seremban atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh Laporan Juruaudit.

e. Menilai sama ada keseluruhan persembahan termasuk pendedahan penyata kewangan Majlis Perbandaran Seremban memberi gambaran yang saksama.

Saya telah berkomunikasi dengan Ahli Majlis, antaranya mengenai skop dan tempoh pengauditan yang dirancang serta penemuan audit yang signifikan termasuk kelemahan kawalan dalaman yang dikenal pasti semasa pengauditan.

Laporan Mengenai Keperluan Perundangan dan Peraturan Lain

Berdasarkan keperluan Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171), saya juga melaporkan bahawa pada pendapat saya, rekod perakaunan dan rekod lain yang dikehendaki Akta untuk disimpan oleh Majlis Perbandaran Seremban telah disimpan dengan sempurna menurut peruntukan Akta.

Hal-hal Lain

Laporan ini dibuat untuk Ahli Majlis dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan laporan ini.

(ZAKRI BIN MAMAT)
b.p. KETUA AUDIT NEGARA
MALAYSIA

SEREMBAN
27 JULAI 2018

MNZWAJA
CHARTERED ACCOUNTANTS

+606 601 3078
+606 601 3796
info@mnzwaja.com
www.mnzwaja.com

No. 406, Tingkat 2,
Jalan Haruan 4/2,
Oakland Commercial Centre,
70300 Seremban,
Negeri Sembilan

LAPORAN JURUAUDIT BEBAS KEPADA KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI PENYATA KEWANGAN MAJLIS PERBANDARAN SEREMBAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017

Laporan Mengenai Penyata Kewangan

Kami telah mengaudit penyata kewangan **MAJLIS PERBANDARAN SEREMBAN** yang terdiri daripada Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2017, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Ekuiti Bersih dan Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut, dan ringkasan dasar-dasar perakaunan penting dan lain-lain nota penjelasan seperti yang diarahkan oleh Ketua Audit Negara.

Tanggungjawab Pihak Pengurusan ke atas Penyata Kewangan

Pihak pengurusan adalah bertanggungjawab bagi penyediaan penyata kewangan untuk memberikan pandangan yang benar dan saksama menurut Seksyen 60 Akta Kerajaan Tempatan, 1976 dan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) di Malaysia. Pihak pengurusan turut bertanggungjawab terhadap kawalan dalaman yang dianggap perlu oleh pihak pengurusan untuk membolehkan penyediaan penyata kewangan yang bebas daripada salah nyata yang ketara, samada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan.

Tanggungjawab Juruaudit

Tanggungjawab kami adalah untuk menyatakan pendapat ke atas penyata kewangan, berdasarkan audit kami. Kami telah mengendalikan audit kami menurut piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia. Piawaian-piawaian tersebut memerlukan kami patuh dengan keperluan beretika dan merancang dan melaksanakan audit untuk mencapai kepastian yang munasabah sama ada penyata kewangan tersebut bebas daripada salah nyata yang ketara.

Sesuatu audit merangkumi pelaksanaan prosedur-prosedur untuk memperolehi bukti audit mengenai jumlah dan pendedahan dalam penyata kewangan. Pemilihan sesuatu prosedur adalah bergantung kepada pertimbangan kami termasuk penilaian risiko salah nyata yang ketara di dalam penyata kewangan, samada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan. Dalam membuat penilaian risiko, kami menimbangkan kawalan dalaman yang relevan bagi penyediaan penyata kewangan Majlis yang memberikan pandangan yang benar dan saksama bagi membentuk prosedur audit yang sesuai berdasarkan keadaan, tapi bukan bagi tujuan menyatakan pendapat terhadap keberkesanan kawalan dalaman Majlis. Sesuatu audit juga merangkumi penilaian terhadap kesesuaian dasar perakaunan yang digunapakai dan kemunasabahan anggaran perakaunan yang dibuat oleh pihak pengurusan, serta menilai pembentangan penyata kewangan secara keseluruhannya.

Kami percaya bahawa audit kami telah memberi asas yang munasabah untuk menyatakan pendapat kami.

Telephone : +603 8322 8100
Fax : +603 8322 8200

4811 - 3A - 43, CBD Perdana 2,
Persiaran Flora,
63000 Cyberjaya, Selangor Darul Ehsan

MNZWAJA
CHARTERED ACCOUNTANTS

+606 601 3078
+606 601 3796
info@mnzwaja.com
www.mnzwaja.com

No. 406, Tingkat 2,
Jalan Haruan 4/2,
Oakland Commercial Centre,
70300 Seremban,
Negeri Sembilan

LAPORAN JURUAUDIT BEBAS KEPADA KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI PENYATA KEWANGAN MAJLIS PERBANDARAN SEREMBAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017 (SAMBUNGAN)

Pendapat

Pada pendapat kami, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Majlis pada 31 Disember 2017 dan prestasi kewangan serta aliran tunai Majlis bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan peruntukan Akta Audit, 1957, Seksyen 60 Akta Kerajaan Tempatan, 1976, dan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) di Malaysia.

Laporan Mengenai Keperluan Perundangan dan Badan Pengawasan Lain

Menurut keperluan dalam Akta Audit, 1957, kami juga melaporkan bahawa pada pendapat kami, rekod-rekod perakaunan dan rekod-rekod lain yang dikehendaki oleh Akta-akta untuk disimpan oleh Majlis telah disimpan dengan wajar menurut peruntukan Akta-akta tersebut.

MNZWAJA
AF 001959
Akauntan Bertauliah

Mohd Nasri bin Ismail
01711/08/2019 J
Akauntan Bertauliah

Seremban
Tarikh: 09 JUL 2018

Telephone : +603 8322 8100
Fax : +603 8322 8200

4811 - 3A - 43, CBD Perdana 2,
Persiaran Flora,
63000 Cyberjaya, Selangor Darul Ehsan

JABATAN PELESENAN DAN PEMBERSIHAN

MAJLIS PERBANDARAN SEREMBAN

1.1 PELANCARAN PROGRAM MENGIMARAH RAMADHAN DI PASAR TANI AMPANGAN

TARIKH : **29 MEI 2018**
TEMPAT : **PASAR TANI AMPANGAN.**
KEHADIRAN : **YB Dr. MOHAMAD RAFIE BIN ABD MALEK (ADUN AMPANGAN).**
YBG DATO HAJI ABD HALIM BIN HAJI ABD LATIF (MANTAN YDP MPS).
PENGARAH PELESENAN DAN PEMBERSIHAN, MPS.
PEGAWAI DAN KAKITANGAN JABATAN PELESENAN DAN PEMBERSIHAN, MAJLIS PERBANDARAN SEREMBAN.









Program ini diadakan bertujuan untuk mengeratkan lagi hubungan silaturahim di antara Pihak MPS dan para peniaga Pasar Tani di Pasar Ampangan. Selain itu program ini juga dapat menggalakkan peniaga-peniaga untuk menjaga kebersihan dan seterusnya dapat mengekalkan keharmonian antara peniaga-peniaga.



1.2 LAWATAN MESRA DARIPADA EXCO KERAJAAN NEGERI SEMBILAN DI TAPAK BAZAAR RAMADHAN, SEREMBAN 2

TARIKH : **23 MEI 2018**
TEMPAT : **BAZAAR RAMADHAN, SEREMBAN 2.**
KEHADIRAN : **YB TUAN VEERAPAN A/L SUPERAMANIAM (EXCO KERAJAAN NEGERI SEMBILAN) ADUN REPAH.**
DATO DR. ZAINUDIN BIN MOHD ALI PENGARAH KESIHATAN NEGERI, NEGERI SEMBILAN.
WAKIL DARI KPDNKKNS, PEJABAT KESIHATAN DAERAH SEREMBAN DAN PPKP JABATAN PELESENAN DAN PEMBERSIHAN MPS.









Lawatan ini diadakan bersama-sama dengan wakil dari KPDNKKNS dan Jabatan Kesihatan Negeri bagi bertujuan untuk kawalan harga makanan yang dijual adalah berpatutan dan kualiti makanan sentiasa dalam keadaan selamat untuk dimakan oleh pengujung bazaar ramadhan.

1.3 KERJA-KERJA MENANDAKAN TAPAK BAZAAR RAMADHAN DI DATARAN SENAWANG, BANDAR BARU AMPANGAN 2018

TARIKH : **17 APRIL 2018**
TEMPAT : **BAZAAR RAMADHAN, DATARAN SENAWANG, BANDAR BARU AMPANGAN.**
KEHADIRAN : **PPKPK ZON DAN PEKERJA PEMBERSIHAN**













JABATAN PELESENAN DAN PEMBERSIHAN

Tujuan kerja-kerja penandaan tapak ini dijalankan adalah untuk menetapkan tapak bagi peniaga bazaar ramadhan dan selain itu dapat menyediakan tapak yang teratur dan sistematik.

1.4 PROSES PENGUNDIAN TAPAK BAZAAR RAMADHAN BAGI PENGANJUR DAN PENIAGA BAZAAR RAMADHAN 2018

TARIKH : **9 MEI 2018**
TEMPAT : **BILIK SRI SEREMBAN, MPS**
KEHADIRAN : **YB TUAN HAJI ISMAIL BIN HAJI AHMAD (ADUN LABU)**
YB TUAN HAJI MOHAMAD TAUFEK BIN ABD GHANI (ADUN PAROI)
YB DR. MOHAMED RAFIE BIN ABD. MALEK (ADUN AMPANGAN)
WAKIL DARI KETUA POLIS NEGERI SEMBILAN
WAKIL DARI SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA, CAWANGAN NEGERI SEMBILAN
WAKIL DARI JABATAN KESIHATAN NEGERI SEMBILAN
WAKIL DARI JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT NEGERI SEMBILAN
PENGARAH PELESENAN DAN PEMBERSIHAN










Tujuan undian ini diadakan adalah untuk memberi peluang berniaga kepada peniaga-peniaga yang layak melalui proses pengundian yang telus.

1.5 PROGRAM PEMBERSIHAN LALUAN RIADAH DI BUKIT KEPAYANG (VICTORIA HILL) LALUAN NAIK KE TANGKI AIR SAINS

TARIKH : **11 OGOS 2019**
TEMPAT : **BUKIT KEPAYANG (VICTORIA HILL) LALUAN NAIK KE TANGKI AIR SAINS**
KEHADIRAN : **YB PUAN NICOLE TAN LEE KOON (ADUN BUKIT KEPAYANG)**
DATO HAJI ZAZALI BIN SALEHUDIN (YDP MPS)
PENGARAH JABATAN PELESENAN DAN PEMBERSIHAN, MPS
WAKIL DARI SAINS, SWCorp, SWME & PENDUDUK SETEMPAT











Tujuan aktiviti gotong-royong ini diadakan adalah untuk menggalakkan aktiviti *'plogging'* disamping beriadah.

1.6 SEMINAR KEBERSIHAN MAKANAN DAN KESELAMATAN GERAI

TARIKH : **31 OKTOBER 2018**
TEMPAT : **BILIK PAMERAN, MAJLIS PERBANDARAN SEREMBAN**
KEHADIRAN : **DATO HAJI ZAZALI BIN SALEHUDIN, YDP MPS**
AHLI MAJLIS, MAJLIS PERBANDARAN SEREMBAN
PENGARAH PELESENAN DAN PEMBERSIHAN
KAKITANGAN JABATAN PELESENAN DAN PEMBERSIHAN











Tujuan program ini diadakan adalah untuk memberi dan memupuk kesedaran kepada penyewa-penyewa gerai Majlis supaya menjaga kebersihan makanan dan menjaga keselamatan gerai agar makanan yang disediakan untuk pengunjung selamat dan bersih untuk dimakan dalam suasana yang harmoni.

JABATAN KOMUNITI & PERHUBUNGAN AWAM

MAJLIS PERBANDARAN SEREMBAN

PROGRAM

MEMBUDAYAKAN GOTONG-ROYONG DI SEREMBAN

1. Program Gotong Royong Rumah Pangsa Lobak telah diadakan pada 4.8.2018 (Sabtu) jam 9.00 pagi dan telah disempurnakan oleh YB Chew Seh Yong, Adun Lobak. Turut disertai oleh Yg Bhg Dato'Hj Zazali bin Salehudin, Yang Dipertua MPS dan juga wakil-wakil NGO.





2. Program Gotong Royong Pembersihan Laluan Riadah Di Bukit Kepayang (Victoria Hill) telah dihadiri oleh YB Nicole Tan Lee Koon, Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Hal Ehwal Wanita, Keluarga Dan Kebajikan EXCO & ADUN Bukit Kepayang bersama Yg Dipertua MPS Dato' Hj Zazali Bin Salehudin serta Ahli Majlis MPS. Program ini telah diadakan pada 11.8.2018 (Sabtu) jam 9.00 pagi.





3. Perasmian Gotong Royong Perdana Bebas Denggi Bersama Pemimpin Peringkat Daerah Seremban Fasa 1, 2, 3 & 4 Taman Panchor Jaya telah disempurnakan Y.Bhg Dato Hj Zazali Bin Salehudin, Yang Dipertua MPS mewakili YB Ustaz Hj Suhaimi Bin Kasim, Adun Lenggeng pada 2.9.2018 (Ahad) jam 8.00 pagi.





4. Program Gotong Royong Perdana di Surau Al-Amin oleh YAB Dato' Haji Seri Aminuddin Bin Harun, Menteri Besar Negeri Sembilan bersama Y. Bhg. Dato' Haji Zazali Bin Salehudin, Yang Dipertua MPS pada 9 September 2018.







SESI *"TOWNHALL"* PENGURUSAN MPS BERSAMA MASYARAKAT

1. Seminar Pemahaman Tindakan Penguatkuasaan Akta Pengurusan Strata 2013 (Akta 757) telah diadakan pada 11.8.2018 bermula jam 8.00 pagi hingga 5.00 petang. Pembukaan majlis telah dirasmikan oleh YB Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Kampung Baru, Tuan Teo Kok Seong dan acara penutup telah disempurnakan oleh Y.Bhg Dato Haji Zazali Bin Salehudin, Yang Dipertua MPS.





2. Majlis Sembang Santai bersama YB Tuan Haji Mohamad Taufek Bin Abd Ghani, Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Pembangunan Belia Dan Sukan (ADUN Paroi) bersama Y. Bhg. Dato Hj Zazali Bin Salehudin, Yang Dipertua MPS di PPR Paroi pada 12 Ogos 2018 (Ahad).





LIGA HOKI PIALA MENTERI BESAR N.SEMBILAN 2018

1. Hoki adalah permainan padang yang begitu popular sejak kebelakangan ini. Pasukan hoki negara yang berada dalam kalangan kuasa besar hoki dunia sentiasa memerlukan sokongan berupa pembangunan bakat di kalangan anak-anak.

Perlawanan Akhir serta Majlis Penutup Dan Penyampaian Hadiah Liga Hoki Piala Menteri Besar Negeri Sembilan telah disempurnakan oleh YAB Dato' Seri Haji Aminuddin Bin Harun, Menteri Besar Negeri Sembilan pada 2.9.2018 (Ahad) jam 5.00 petang bertempat di Stadium Hoki Seremban 2. Turut memeriahkan Majlis dengan kehadiran Y Bhg Dato Hj Zazali Bin Salehudin, Yang Dipertua MPS.









PROGRAM BULAN KEMERDEKAAN 2018

1. Program Penyerahan Bendera Malaysia sempena Bulan Kemerdekaan dan Sesi Ramah Mesra bersama rakyat oleh YB Teo Kok Seong, Exco Perumahan dan Kerajaan Tempatan, YB Ng Chin Tsai, ADUN Temiang dan Y. Bhg. Dato' Hj. Zazali Bin Salehudin, Yang Dipertua MPS di Pasar Besar Seremban pada 25 Ogos 2018.





PROGRAM PELANCONGAN

1. Program *"Showcasing Tourism Products oleh MITA"* di The Royale Chulan, Seremban pada 28 Ogos 2018 dirasmikan oleh YB Tuan Zulkefly Bin Mohamad Omar, Speaker Dewan Undangan Negeri bersama Y. Bhg. Dato' Hj Zazali Bin Salehudin, Yang Dipertua MPS.





2. PERASMIAN 'BENTENG WALK SEREMBAN' Jalan Dato Abdul Rahman telah disempurnakan oleh YAB Dato' Seri Haji Aminuddin Bin Harun, Menteri Besar Negeri Sembilan pada 30.8.2018 (Khamis) jam 9.30 malam.







PERHIMPUNAN KHAS MPS BERSAMA YAB MBNS

1. Perhimpunan Khas Majlis Perbandaran Seremban (MPS) dan Majlis Perbandaran Nilai (MPN) bersama YB Tuan Haji Aminuddin Bin Harun, Menteri Besar Negeri Sembilan, YB Dr. Razali Bin Ab Malik, Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan, YB Teo Kok Seong, Exco Kerajaan Tempatan Negeri Sembilan dan Y. Bhg. Dato' Haji Zazali Bin Salehudin, Yang Dipertua MPS dan MPN pada 3 September 2018 di Dewan MPS.





AKTIVITI AHLIMAJLIS MPS

MAJLIS ANGKAT SUMPAH AHLI MAJLIS MPS PENGGAL 2018/2019

1. Majlis Angkat Sumpah seramai 24 orang Ahli Majlis MPS telah disaksikan di hadapan Y.Bhg. Dato Hj Zazali Bin Salehudin , Yang Dipertua MPS pada 10 Ogos 2018 jam 8:30 pagi di Bilik Pameran, Dewan MPS. Majlis turut diserikan dengan kehadiran YB Teo Kok Seong, Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Kesejahteraan Bandar, Perumahan Kerajaan Tempatan Dan Kampung Baru serta barisan Exco. Terima kasih dan tahniah diucapkan kepada semua Ahli Majlis yang dilantik serta selamat menjalankan tugas.



TAKLIMAT AHLI MAJLIS MPS

2. Taklimat Pengenalan Majlis Perbandaran Seremban kepada Ahli Majlis oleh Y. Bhg. Dato' Hj. Zazali Bin Salehudin, Yang Dipertua MPS serta semua Ketua Pengarah MPS pada 27 Ogos 2018 (Isnin) di Bilik Pameran, Dewan MPS.



PENGLIBATAN / PROGRAM BERSAMA KOMUNITI

LAPORAN SAMBUTAN HARI SUKAN
PERINGKAT SEKOLAH DALAM HOSPITAL
ANJURAN BERSAMA
MAJLIS PERBANDARAN SEREMBAN
&
HOSPITAL TUANKU JA`AFAR SEREMBAN



LAPORAN SAMBUTAN HARI SUKAN
PERINGKAT SEKOLAH DALAM HOSPITAL
ANJURAN BERSAMA
MPS & HTJ
14 OKTOBER 2018 8:00 PG – 12:30 TGH
KOMPLEKS SUKAN NEGERI (CENTRE-COURT) MPS, PAROI

Jabatan Komuniti & Perhubungan Awam, MPS telah bekerjasama dengan pihak Sekolah Dalam Hospital, Hospital Tuanku Ja`afar Seremban untuk menganjurkan ***Sambutan Hari Sukan*** Peringkat Sekolah Dalam Hospital pada tarikh dan tempat seperti berikut :-

Tarikh : 14 Oktober 2018 (Ahad)
Masa : 8:00 Pagi – 12:30 Tengahari
Tempat : Kompleks Sukan Negeri (Centre-Court) MPS, Paroi

Pihak Majlis Perbandaran Seremban dengan kelulusan YBhg.Dato` Yang Dipertua, MPS telah membantu penganjuran Sambutan Hari Sukan tersebut melalui perkara-perkara berikut :

a. **Penajaan Lokasi Acara**

Majlis Perbandaran Seremban telah menaja lokasi acara dimana acara Sambutan Hari Sukan tersebut telah dianjurkan di Kompleks Sukan Negeri (Centre-Court) MPS, Paroi.

LAPORAN SAMBUTAN HARI SUKAN
PERINGKAT SEKOLAH DALAM HOSPITAL
ANJURAN BERSAMA
MPS & HTJ
14 OKTOBER 2018 8:00 PG – 12:30 TGH
KOMPLEKS SUKAN NEGERI (CENTRE-COURT) MPS, PAROI

b. **Penajaan Hadiah Sukaneka, Gimik & Runcit**

Majlis Perbandaran Seremban telah menaja bagi program seperti berikut :-

Hadiah Sukaneka, Gimik dan Runcit	- RM1,020.00
Sarapan Pagi dan Jamuan Makan Tengahari / Persiapan & Perkakasan	- RM4,434.00
Kain Rentang	- RM250.00
JUMLAH	**RM5,704.00**

JUMLAH KESELURUHAN PENAJAAN BERJUMLAH : RM5704.00

Program ***Sambutan Hari Sukan*** Peringkat Sekolah Dalam Hospital tersebut telah berlangsung dengan jayanya melibatkan penyertaan murid-murid yang pernah menjalani rawatan di Wad Kanak-Kanak Hospital Tuanku Ja'afar Seremban serta Ibu-bapa mereka. Kehadiran peserta yang terlibat adalah seramai ***350 orang***. Acara tersebut telah diuruskan secara keseluruhannya oleh pihak Hospital Tuanku Ja`afar Seremban, pelatih Kolej Kejururawatan Seremban dan warga kerja Jabatan Komuniti & Perhubungan Awam, Majlis Perbandaran Seremban.

Program tersebut telah bermula seawal jam 8:00 pagi dan berakhir tepat pada jam 12:30 tengahari. Majlis Perasmian Penutup telah disempurnakan oleh ***YBhg. Dato` Hj. Zazali Bin Salehudin, Yang Dipertua Majlis Perbandaran Seremban*** yang telah turut sudi menyampaikan hadiah-hadiah kepada pemenang-pemenang pertandingan.

Program ***Sambutan Hari Sukan*** Peringkat Sekolah Dalam Hospital didapati telah mencapai objektif penganjurannya untuk :

i. Menerapkan budaya masyarakat penyayang
ii. Kerjasama antara agensi
iii. Meraikan anak-anak yang telah pulih dari rawatan.

PENGLIBATAN / PROGRAM BERSAMA KOMUNITI

PROGRAM
"SERVE THE LOVE"
ANJURAN BERSAMA
MAJLIS PERBANDARAN SEREMBAN
&
FAKULTI SAINS PENTADBIRAN UiTM SEREMBAN 3



JAB. KOMUNITI & PERHUBUNGAN AWAM

17 NOVEMBER 2018
6:00 PETANG - 12:00 MALAM
PUSAT BANDAR SEREMBAN

PROGRAM
"SERVE THE LOVE"
ANJURAN BERSAMA
MAJLIS PERBANDARAN SEREMBAN
&
FAKULTI SAINS PENTADBIRAN UiTM SEREMBAN 3

Jabatan Komuniti & Perhubungan Awam, MPS telah bekerjasama dengan pihak Fakulti Sains Pentadbiran & Pengajian Polisi UiTM Seremban 3 untuk menganjurkan ***Program "Serve The Love"*** *Aktiviti Sukarelawan Membantu Gelandangan* pada tarikh dan tempat seperti berikut :

Tarikh	: 17 November 2018 (Sabtu)
Masa	: 6:00 Petang – 12:00 Malam
Tempat	: SekitarPusat Bandar Seremban

JUMLAH KESELURUHAN PENAJAAN BERJUMLAH : RM1,180.20

Program ***"Serve The Love"*** tersebut telah berlangsung dengan jayanya melibatkan penyertaan sejumlah 25 orang mahasiswa dan 2 orang pensyarah UiTM Seremban 3 disamping kira-kira 50 orang warga kerja MPS. Acara tersebut telah diuruskan secara keseluruhannya oleh pihak mahasiswa Diploma Pentadbiran Awam, UiTM Seremban 3 dan warga kerja Jabatan Komuniti & Perhubungan Awan, Majlis Perbandaran Seremban.

Program tersebut telah bermula seawal jam 6:00 petang dan berakhir tepat pada jam 12:00 malam. Majlis Perasmian telah disempurnakan oleh ***YBhg. Dato` Hj. Zazali Bin Salehudin, Yang Dipertua Majlis Perbandaran Seremban*** yang turut sudi menyampaikan ucapan dan seterusnya menyertai aktiviti menyerahkan bantuan makanan kepada gelandangan di Pusat Bandar Seremban bersama-sama mahasiswa UiTM Seremban 3.

Program ***"Serve The Love"*** didapati telah mencapai objektif penganjurannya untuk :

i. Menerapkan budaya masyarakat penyayang
ii. Kerjasama antara agensi
iii. Meninjau sisi lain masyarakat yang kurang bernasib baik.

JABATAN PERANCANGAN PEMBANGUNAN

MAJLIS PERBANDARAN SEREMBAN

1. AKTIVITI SEPANJANG TAHUN 2018

1.1 Kempen GEMPUR

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) telah melancarkan Kempen Gerakan Memerangi Pemberi Rasuah atau GEMPUR pada 13 Februari 2018 bagi mendidik penjawat awam supaya menolak sebarang bentuk tawaran atau pemberian rasuah. Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Dzulkifli Ahmad melancarkan kempen ini serentak di seluruh negara bersempena Gerakan Revolusi Anti Rasuah (GERAH) Siri 2/2018 yang memfokus kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

Kempen berslogan 'Anda Hulur, Kami Lapor' ini merupakan penjenamaan semula kepada kempen 'Perangi Pemberi Rasuah' yang dilaksanakan pada tahun 2010. Melalui pelaksanaan kempen GEMPUR, SPRM mahu memberi peringatan kepada penjawat awam agar menolak rasuah dan melaporkan perbuatan tersebut kepada SPRM, pada masa yang sama mendidik orang ramai agar tidak sesekali menawarkan rasuah kepada penjawat awam.

Bagi memastikan keberkesanan kempen ini, GEMPUR akan menyasarkan tiga kumpulan iaitu penjawat awam yang terlibat dalam tugas penguatkuasaan, perolehan dan pelesenan. Kempen ini juga selaras dengan sasaran SPRM iaitu untuk membersihkan perkhidmatan awam daripada jenayah rasuah dan salah guna kuasa, malah pelengkap kepada Kempen 3J (Jangan Hulur, Jangan Kawtim, Jangan Settle) yang dilancarkan sebelum ini.

Sehubungan itu, Jabatan Perancangan Pembangunan, Majlis Perbandaran Seremban telah menerima kunjungan daripada pihak SPRM Negeri Sembilan pada 13 Februari 2018 dalam melaksanakan Kempen GEMPUR tersebut.





1.2 Bengkel Audit Akses (OKU) Dalam Persekitaran Alam Bina

Bengkel ini telah berlangsung pada 14 - 15 Mei 2018 di Bilik Pameran, Dewan Majlis Perbandaran Seremban. Bengkel ini adalah kerjasama antara pihak Jabatan Perancangan Pembangunan MPS dengan pihak KAED Universal Design Unit (KUDU) Kuliah Senibina Dan Reka bentuk Alam Sekitar Universiti Islam Malaysia (UIAM) beserta pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Sembilan. Bengkel tersebut telah dipengerusikan oleh Prof. Dato` Sri Ar. Dr. Asiah Abdul Rahim (KUDU).

Tujuan bengkel ini diadakan adalah merupakan satu strategi untuk mempercepatkan kesedaran kepada masyarakat khasnya para profesional dalam industri binaan agar kemudahan OKU dapat diterapkan dan diaplikasikan dalam semua projek pembangunan. Pembangunan yang pesat dan progresif yang wujud di rantau Asia Tenggara perlu mengambil kira keupayaan golongan OKU dengan menyediakan seni bina yang telah dirancang dan dibentuk berdasarkan prinsip Reka Bentuk Sejagat (Universal Design).

Objektif bengkel ini adalah seperti berikut :

i. Untuk memperkenalkan para peserta tentang aplikasi konsep bebas halangan dan rekaan sejagat khususnya kepada golongan kurang upaya, kanak-kanak dan golongan tua dalam binaan alam sekitar.

ii. Untuk menggalakkan kesedaran kepada para peserta tentang masalah dan cabaran yang dihadapi oleh OKU dan golongan berumur jika akses yang sempurna tidak disediakan.

iii. Untuk mendidik para peserta tentang contoh-contoh terbaik dalam sesebuah projek binaan alam sekitar yang menyediakan akses kepada golongan OKU seperti golongan berkerusi roda, cacat penglihatan, cacat pendengaran dan golongan yang bertongkat.

Peserta yang telah hadir dalam bengkel tersebut adalah dari kalangan profesional dalam bidang senibina, kejuruteraan, perancangan pembangunan dan lain-lain lagi agensi yang berkaitan. Selain itu, pihak urusetia telah menjemput golongan OKU seperti golongan berkerusi roda, cacat penglihatan, cacat pendengaran dan golongan yang bertongkat untuk mendapatkan maklumat dan cadangan dari golongan tersebut semasa lawatan tapak yang terpilih antaranya seperti berikut :

a. Masjid Hussain Seremban 2
b. Pasaraya MYDIN Senawang
c. UTC Ampangan
d. Bangunan Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS)
e. Laluan Pejalan Kaki Berbumbung Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTM Seremban)




Berkat Berjasa




BENGKEL
SEREMBAN
AUDIT AKSES (OKU) DALAM PERSEKITARAN ALAM BINA 2018
BERTARIKH
14 Mei 2018 - 15 Mei 2018




MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI SEMBILAN


MYDIN















1.3 Lawatan Menteri Besar Negeri Sembilan Ke Terminal 1 Seremban

Terminal 1 Seremban merupakan stesen hub pengangkutan awam darat yang utama di Negeri Sembilan yang menawarkan perkhidmatan bas dan teksi ke pelbagai destinasi sama ada di dalam bandar, antara bandar dan luar bandar.



Pada 16 Julai 2018, Menteri Besar Negeri Sembilan, Y.A.B. Dato' Seri Aminuddin Bin Harun dengan disertai Yang Dipertua Majlis Perbandaran Seremban, EXCO Negeri Sembilan, Ahli Majlis serta pegawai dan kakitangan Majlis Perbandaran Seremban telah membuat lawatan ke Terminal 1 Seremban. Dalam lawatan tersebut Y.A.B. MBNS menyarankan agar pihak yang bertanggungjawab dapat menjaga dan menyelenggarakan kawasan Terminal 1 ini dengan berkesan. Aspek kebersihan adalah perkara utama yang dititikberatkan oleh beliau. Semasa lawatan tersebut, Y.A.B. MBNS sempat beramah mesra dengan pengusaha bas, peniaga dan pengunjung di Terminal 1 Seremban.













1.4 Minggu Inovasi Peringkat Negeri Sembilan Tahun 2018

Buat pertama kalinya program Minggu Inovasi di bawah pentadbiran Kerajaan Negeri Sembilan yang dianjurkan sejak empat tahun lalu diadakan di luar Seremban iaitu di Politeknik Port Dickson. Program selama tiga hari yang bermula pada 19-21 Oktober 2018 ini turut terbuka kepada masyarakat luar dan lebih daripada 10 dan agensi kerajaan terlibat dalam penganjuran itu selain turut mendapat sokongan daripada syarikat korporat.

Masyarakat berpeluang menyertai pelbagai aktiviti menarik dianjurkan seperti acara larian, *'Trail Hunt'*, pameran sains dan teknologi, pertandingan interaktif sekolah, cabutan bertuah dan pemeriksaan kesihatan.

Penganjuran Minggu Inovasi ini bertujuan memantapkan kefahaman dan komitmen masyarakat mengenai agenda inovasi negara. Ia juga dapat membudayakan inovasi dan kreativiti dalam kalangan penjawat awam yang perlu diterjemahkan.

Sehubungan itu, pihak Jabatan Perancangan Pembangunan MPS telah terlibat dalam Minggu Inovasi tersebut dengan membuat pameran berhubung menyediakan satu set data foto udara yang mempunyai tahap kualiti yang tinggi bagi tujuan pemantauan dan pengawalan dalam aspek perancangan dan pembangunan di kawasan pentadbiran Majlis Perbandaran Seremban. Masyarakat berpeluang mengetahui skop dan tugas kerja yang dilaksanakan oleh pihak Jabatan dan sekaligus memberi ilmu pengetahuan dalam bidang perancangan bandar. Masyarakat juga didedahkan dengan pelaksanaan Rancangan Tempatan *Malaysia Vision Valley* 2045 (RT MVV).







1.5 Perlaksanaan Memorandum Persefahaman Antara MPS Dan JUPEM (MOU)

Objektif Pelaksanaan MOU ini adalah bagi tujuan berkolaborasi untuk melaksanakan pengurusan maklumat geospatial bagi kawasan pentadbiran MPS dimana JUPEM adalah merupakan satu pusat sehenti bagi semua maklumat geospatial yang diperlukan.

MOU yang ditandatangani oleh kedua-dua pihak ini pada 23hb. November 2018 merupakan salah satu langkah kerjasama kolaborasi diantara pihak MPS dan JUPEM di dalam usaha perkongsian pengemaskinian data geospatial. Perjanjian ini juga melibatkan peranan pihak JUPEM di dalam memberi bantuan kepada pihak MPS antaranya :

i. Memberi latihan dan,
ii. Khidmat nasihat teknikal berkaitan aktiviti geospatial di dalam kawasan pentadbiran Majlis Perbandaran Seremban.

Manakala pihak MPS juga memainkan peranan antaranya :

i. Mengurus dan mengemaskini Maklumat Geospatial MPS yang tepat, lengkap dan berkualiti serta memenuhi standard yang ditetapkan untuk kegunaan perkongsian dengan JUPEM.
ii. Bertanggungjawab sepenuhnya terhadap maklumat terbitan atau tambah nilai di bawah kolaborasi ini.

Permulaan kuatkuasa MOU ini telah bermula berkuatkuasa pada tarikh tandatangan 23 November 2018 yang lalu, untuk tempoh lima (5) tahun.












MAJLIS MENANDATANGANI
MEMORANDUM PERSEFAHAMAN (MoU)
ANTARA
DAN




MAJLIS MENANDATANGANI
ANTARA
DAN
HARI
MPS


ZAZALI




MAJLIS MENANDATANGANI
MEMORANDUM PERSEFAHAMAN (MoU)


MAJLIS MENANDATANGANI
MEMORANDUM PERSEFAHAMAN (MoU)
ANTARA
MAJLIS PERBANDARAN SEREMBAN
DAN
JABATAN UKUR DAN PEMETAAN MALAYSIA
TARIKH : 23 NOVEMBER 2018
MASA : 9.30 PAGI - 12.00 TE
TEMPAT : BILIK PAMERAN , DE




MEMORANDUM
PERSEFAHAMAN
(MoU)


MAJLIS MENANDATANGANI
MEMORANDUM PERSEFAHAMAN (MoU)

1.6 Perlaksanaan MURNINETS 2.0 Untuk Tahun Perlaksanaan 2018

MURNINETS (Malaysian Urban Rural National Indicators Network On Sustainable Development) adalah satu kajian yang dapat mengukur dan menilai kemampanan sesebuah bandar serta kawasan gabungannya melalui penggunaan penunjuk-penunjuk bandar. Kawasan Pelaksanaan Petunjuk Bandar Malaysia (MURNINETS) menggunakan data pengukuran tahun sebelumnya meliputi keseluruhan kawasan operasi Majlis Perbandaran Seremban.

Bagi tahun 2018, perlaksanaan MURNInets melibatkan sebanyak 45 indikator berbanding sebelum ini hanya 36 indikator. Penambahan indikator ini disebabkan oleh beberapa faktor antaranya :

1. Penunjuk MURNInets setelah digunakan untuk tempoh 5 tahun (2012-2016) bagi menilai tahap kemampanan bandar. Oleh itu Pusat Operasi MURNInets Kebangsaan (POMK) berpandangan agar penunjuk ini sesuai untuk dilihat semula bagi tempoh setiap 5 tahun.

2. MURNInets perlu mengambil kira aspek kemampanan lain selaras dengan penekanan Rancangan Malaysia Ke Sebelas (RMKe11) 2016-2020 dan dasar-dasar sektoral terkini.

3. Terdapat beberapa isu pelaksanaan berkaitan penunjuk & dapatan data telah dikenal pasti yang menyukarkan pemahaman pengguna dan piawaian yang diguna pakai.

RINGKASAN KESELURUHAN PENUNJUK

Jumlah KESELURUHAN PENUNJUK DI KAJI	73 Penunjuk
Jumlah KESELURUHAN PENUNJUK SEDIA ADA	36 Penunjuk
Jumlah penunjuk SEDIA ADA yang DIGUGURKAN	6 Penunjuk
Jumlah penunjuk SEDIA ADA yang DIKEKALKAN DENGAN PINDAAN terhadap definisi, penerangan/ justifikasi, sumber data atau butiran data	30 Penunjuk
Jumlah PENUNJUK YANG DICADANGKAN	15 Penunjuk



Pengukuran MURNINETS

Tahap kemampanan di dalam MURNInets adalah seperti berikut :

Skor 3 : Mampan	= 80% - 100%
Skor 2 : Sederhana Mampan	= 51% - 79%
Skor 1 : Kurang Mampan	= 0% - 49%



Tahap kemampanan
36 Indikator Pada **Tahun 2014** :

i. **26** Indikator Skor 3 = **Mampan**

ii. **5** Indikator Skor 2 = **Sederhana Mampan**

iii. **5** Indikator Skor 1 = **Kurang Mampan**



Pencapaian Tahap Kemampanan Bandar Seremban Dari Tahun 2010 Sehingga Tahun 2018

Tahun	Indeks Kemampanan	Status Kemampanan
2010	80.70 %	Mampan
2012	80.00 %	Mampan
2013	87.00 %	Mampan
2014	87.00 %	Mampan
2015	89.00 %	Mampan
2016	89.00 %	Mampan
2017	Kajian Penambahbaikan MURNInets dijalankan	
2018	83.00 %	Mampan

Hasil tahap kemampanan Bandar Seremban menunjukkan Seremban adalah **MAMPAN** dengan skor **83.00 %.**

1.7 Pelaksanaan Program Bandar Selamat : Inisiatif Pemutihan Kawasan 'Black Spot' 2018 Majlis Perbandaran Seremban

PEMILIHAN KAWASAN *'BLACK SPOT'* 2018

Pemilihan lokasi yang telah dipilih oleh Mesyuarat Jawatankuasa Penilaian Cadangan Blackspot 2019 pada 24 Januari 2018 di PLANMalaysia, Jalan Cenderasari mengambil keputusan kawasan yang mempunyai persepsi tidak selamat *(fear of crime)* dan kadar indeks jenayah yang tinggi di kalam kawasan Majlis Perbandaran Seremban adalah di **TAMAN PAROI JAYA**

PERUNTUKAN

KEMENTERIAN DALAM NEGERI
Pembangunan P62
KDN

10 Mac 2018 melalui
EFT berjumlah
RM700,00.00

PELAN LOKASI KAWASAN 'BLACK SPOT' DI TAMAN PAROI JAYA, DAERAH SEREMBAN, NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS



- TAMAN PAROI JAYA
- KELUASAN 117.44 EKAR
- DISAHKAN DI DALAM MESYUARAT JAWATANKUASA UNIT TASK FORCE, PBS, MPS BIL 2/2018 BERTARIKH 13HB JUN 2018

PELAKSANAAN PROJEK LANGKAH PENCAHAYAAN

1

PROGRAM BANDAR SELAMAT:
Cadangan kerja-kerja Membekal Dan Memasang Lampu Jalan Di Persiaran Rajawali, Taman Paroi Jaya Serta Kerja-Kerja Berkaitan Seremban

- **Kos Projek RM 299,111.00**
- **30 Unit Tiang Lampu LED**
- **30 September 2019 siap**





2

PROGRAM BANDAR SELAMAT:
Cadangan kerja-kerja Membekal Dan Memasang Lampu Jalan Di Persiaran Merak - Jalan Nuri, Taman Paroi Jaya Serta Kerja-Kerja Berkaitan, Seremban.

- **Kos Projek RM 206,786.20**
- **22 Unit Tiang Lampu LED**
- **30 September 2019 siap**



3

PROGRAM BANDAR SELAMAT:
Cadangan kerja Kerja Menaiktaraf, Membekal Dan memasang Lampu Kawasan Di Padang Bola Serta Taman Awam Taman Paroi Jaya, Seremban

- **Kos Projek RM 127, 026.00**
- **6 Unit Tiang Lampu**
- **24 Lampu LED**
- **24 Ogos 2018**



PELAKSANAAN PROJEK LANGKAH PENCAHAYAAN

PROGRAM BANDAR SELAMAT:
Cadangan kerja-kerja Membekal Dan Memasang Papan Tanda Keselamatan di dalam sekitar Taman Paroi Jaya, Seremban

- **Kos Projek RM 13,800.00**
- **5 unit (depan belakang)**
- **21 September 2018**













2. PENAMBAHBAIKAN JABATAN BAGI TAHUN 2018 (PEREKAYASAAN)

Dalam usaha penambahbaikan Jabatan Perancangan Pembangunan untuk memberikan perkhidmatan yang berkesan, pihak Jabatan telah mengadakan mesyuarat dalaman bagi membincangkan segala perkara yang berbangkit berkaitan urusan dalaman pentadbiran dan teknikal Jabatan Perancangan Pembangunan.

Sehubungan itu, pihak Jabatan telah berusaha untuk mencapai sasaran bagi mengadakan Mesyuarat Bulanan Jabatan dan Mesyuarat Teknikal Jabatan seperti senarai di bawah :

2.1 Mesyuarat Bulanan Jabatan Perancangan Pembangunan, MPS

i. Mesyuarat Bulanan Jabatan Bil. 01/2018 bertarikh 23hb. Februari 2018
ii. Mesyuarat Bulanan Jabatan Bil. 02/2018 bertarikh 30hb. Mac 2018
iii. Mesyuarat Bulanan Jabatan Bil. 03/2018 bertarikh 26hb. April 2018
iv. Mesyuarat Bulanan Jabatan Bil. 04/2018 bertarikh 31hb. Mei 2018
v. Mesyuarat Bulanan Jabatan Bil. 05/2018 bertarikh 28hb. Jun 2018
vi. Mesyuarat Bulanan Jabatan Bil. 06/2018 bertarikh 31hb. Julai 2018
vii. Mesyuarat Bulanan Jabatan Bil. 07/2018 bertarikh 30hb. Ogos 2018
viii. Mesyuarat Bulanan Jabatan Bil. 08/2018 bertarikh 04hb. Oktober 2018
ix. Mesyuarat Bulanan Jabatan Bil. 09/2018 bertarikh 06hb. Disember 2018

2.2 Mesyuarat Teknikal Jabatan Perancangan Pembangunan, MPS

i. Mesyuarat Teknikal Jabatan Bil. 01/2018 bertarikh 19hb. Januari 2018
ii. Mesyuarat Teknikal Jabatan Bil. 02/2018 bertarikh 20hb. Februari 2018
iii. Mesyuarat Teknikal Jabatan Bil. 03/2018 bertarikh 05hb. April 2018
iv. Mesyuarat Teknikal Jabatan Bil. 04/2018 bertarikh 25hb. Julai 2018
v. Mesyuarat Teknikal Jabatan Bil. 05/2018 bertarikh 11hb. Oktober 2018
vi. Mesyuarat Teknikal Jabatan Bil. 06/2018 bertarikh 19hb. Disember 2018

4. PENYERTAAN PERTANDINGAN PERINGKAT NEGERI / LUAR

4.1 Konvensyen Kumpulan Inovatif Dan Kreatif (KIK) Perkhidmatan Awam Peringkat Negeri Sembilan Tahun 2018

Konvensyen KIK yang dianjurkan pada 6 - 7 Ogos 2018 ini merupakan platform terbaik kepada warga perkhidmatan awam untuk menzahirkan dan mempamerkan kreativiti mereka ke arah mencapai hasil kerja yang lebih mantap.

Kreativiti dan inovasi merupakan pendekatan era kini yang mampu merungkai pelbagai masalah di kalangan penjawat awam, khususnya permasalahan yang menghadkan kualiti penyampaian perkhidmatan awam. Dalam sesebuah jabatan atau agensi, kaedah-kaedah yang lebih baik dikenal pasti dan diaplikasikan sehingga membawa impak menakjubkan termasuklah penjimatan kos, peningkatan produktiviti dan keberkesanan penawaran perkhidmatan secara menyeluruh.

Melalui penganjuran konvensyen inovasi dan kreatif ini, anggota perkhidmatan awam dapat mempertingkatkan kompetensi diri dalam membudayakan inovasi dan kreativiti secara berkesan. Tumpuan yang diberikan untuk menganalisa punca sesuatu masalah, usaha yang dicurahkan untuk menyelesaikan masalah tersebut secara berpasukan dan seterusnya mengaplikasikan hasil penambahbaikan bagi kepentingan semua adalah kejayaan sebenar konvensyen ini.

Jabatan Perancangan Pembangunan terpilih mewakili Majlis Perbandaran Seremban di Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) 2018 Peringkat Negeri dan telah mendapat tempat ke-10 dari 16 pasukan yang terlibat dalam Kategori KIK Primer – Inovasi Penyampaian Perkhidmatan.

Pihak Jabatan telah mempersembahkan projek KIK iaitu Proses Merekod Charting Secara Digital. Projek ini berasaskan sistem yang dikenali sebagai *Geographic Information System* (GIS) yang bertujuan memudahkan pencarian fail, penyediaan pelan, pelaporan, pengemaskinian dan penyimpanan data-data geospatial yang bersepadu. Pembangunan projek ini dijalankan secara dalaman oleh pihak Jabatan Perancangan Pembangunan sepenuhnya. Perisian *Geographic Information System* (GIS) yang digunakan adalah ARC GIS.

Oleh yang demikian, signifikan projek ini adalah memudahkan rujukan terhadap data-data dan maklumat terkini berkenaan permohonan-permohonan kebenaran merancang yang telah dikemukakan dan diproses samada diluluskan atau sebaliknya oleh Mesyuarat Jawatankuasa OSC melalui secara digital. Seterusnya, impak projek ini dapat meningkatkan produktiviti kerja kerana proses capaian carian maklumat dapat dilakukan dengan pantas. Selain itu juga melalui projek ini dapat membantu kakitangan teknikal dalam mengenalpasti maklumat dan sejarah permohonan sesuatu lot tanah. Maklumat yang direkodkan lebih sistematik, terkawal dan boleh dipercayai. Ianya juga membantu memelihara dokumen fizikal kerana semakan tidak perlu lagi dibuat secara manual.

Secara keseluruhannya melalui projek ini kaedah penyimpanan maklumat secara digital dan berpusat ianya memudahkan proses semakan ke atas permohonan kebenaran merancang dan membantu dalam membuat keputusan berkaitan aspek perancangan dan pembangunan. Projek ini dapat dikongsi dan dicapai dengan cepat dan mudah oleh kesemua kakitangan Jabatan Perancangan Pembangunan bagi urusan permohonan kebenaran merancang dari semasa ke semasa. Selain itu, penggunaan data digital ini juga memudahkan perkongsian data dan meningkatkan jaringan kerjasama dengan pelbagai jabatan dan agensi. Projek ini juga dapat memberi nilai tambah kepada hasil kerja.

Akhir sekali, dengan melaksanakan projek ini, ianya dapat membantu memelihara dokumen fizikal kerana semakan tidak perlu lagi dibuat secara manual seterusnya memudahkan proses semakan ke atas permohonan kebenaran merancang kerana penyimpanan maklumat secara digital dan berpusat serta memudahkan melayan pertanyaan oleh pemilik tanah atau pihak berkepentingan serta membantu pihak Jabatan dalam urusan pemantauan dan pengawalan berkaitan perancangan dan pembangunan dalam kawasan pentadbiran Majlis Perbandaran Seremban.







4.2 *'Explorace'* Jejak Warisan Alor Setar Sempena Sambutan Hari Perancangan Bandar Sedunia 2018

Hari perancangan Bandar Sedunia disambut pada 08 November setiap tahun di hampir 30 negara diseluruh dunia. Sambutan tersebut bertujuan untuk meraikan dan menghargai peranan perancangan bandar dalam perancangan dan pembangunan khususnya ke arah mewujudkan persekitaran kehidupan yang berkualiti dan pembentukan masyarakat yang sejahtera.

Program Jejak Warisan Alor Setar 2018 ini berkonsepkan pemainan atau pertandingan explorasi warisan (*explore race*). Ia akan dijalankan di sekitar Bandar Alor Setar. Soalan-soalan atau klu-klu yang diberikan di setiap check point dikaitkan dengan monumen atau bangunan bersejarah berkenaan, dasar-dasar perancangan bandar diperingkat negara dan antarabangsa seperti RFN, DPN, DPF Desa Negara, RSN, Agenda Perbandaran Baharu serta *Sustainable Development Goals (SDGs)*. Program Jejak Warisan ini mempelawa Komuniti Tempatan, Pihak Berkuasa Tempatan, Jabatan-Jabatan Kerajaan, Badan Berkanun, Perunding Perancang Bandar, Arkitek, Pemaju Swasta seluruh Malaysia.

Sehubungan itu, pihak Majlis Perbandaran Seremban telah menghantar tiga kumpulan bagi menyertai Program Jejak Warisan Alor Setar 2018 pada 03 November 2018 di Medan Bandar, Alor Setar, Kedah.



Jejak Warisan
ALOR SETAR
Terokai Bandar Bersejarah







5. PEMBENTANGAN KERTAS / GARIS PANDUAN / POLISI / SOP DI PERINGKAT NEGERI / ANTARABANGSA

5.1 Cadangan Penambahbaikan Sistem Menamakan Taman Di Seremban 3 Mengikut "Seksyen".

Cadangan Penambahbaikan Sistem Menamakan Taman Di Seremban 3 ini bermula apabila wujudnya nama-nama taman yang telah diguna pakai tanpa mendapat kelulusan daripada pihak Majlis terlebih dahulu.

Seremban 3 merupakan salah satu kawasan/taman yang akan ditambah baik oleh pihak Majlis. Pada asalnya, Seremban 3 telah diluluskan untuk keseluruhan kawasan tanpa pembahagian fasa/seksyen. Sehubungan itu, pihak Jabatan telah berbincang dengan Persatuan Penduduk Seremban 3 untuk membahagikan keseluruhan kawasan di Seremban 3 kepada "seksyen".

Kertas cadangan tersebut telah diluluskan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) MPS Bil. 12/2017 pada 12 Jun 2017. Walaubagaimanapun, terdapat beberapa pindaan terhadap penambahbaikan tersebut dan pelan tersebut telah dikemukakan kepada Jabatan Kejuruteraan MPS untuk pemasangan papan tanda pada Oktober 2018. Pihak Jabatan dimaklumkan bahawa pemasangan papan tanda dan pelaksanaan "seksyen" bagi kawasan Seremban 3 akan dilaksanakan pada tahun 2019.



6. AKTIVITI AHLI MAJLIS TAHUN 2018

6.1 Perjumpaan Bersama Penduduk Projek Perumahan Rakyat Paroi (PPR) Di Pangsapuri Rakyat Sri Perdana Paroi

Projek Program Perumahan Rakyat PPR Paroi yang siap dibina pada tahun 2005 adalah bertujuan untuk menyediakan rumah yang mampu disewa oleh golongan berpendapatan rendah serta mengatasi masalah setinggan di kawasan Seremban terutamanya di kawasan Ampangan dan Paroi. Projek ini dibiayai oleh Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan dengan kos sebanyak RM 17 juta.

Pihak Majlis Perbandaran Seremban hanya menyediakan tapak untuk pembinaan di atas sebahagian lot 20280 berkeluasan 14.2 ekar yang pada asalnya digunakan sebagai tapak semaian (nurseri) MPS.

PPR Paroi mempunyai 6 blok bangunan (400 unit rumah secara keseluruhannya). 342 unit rumah telah disewa sehingga penghujung tahun 2018. Pada 18 Disember 2018, Satu perjumpaan antara Ahli Majlis MPS iaitu Y.Bhg. Dato' Aladzhar Bin Abd Khalid dan En. Mohd Halid Bin Daud berserta pihak Jabatan Perancangan Pembangunan MPS bersama penduduk PPR Paroi telah diadakan bagi membincangkan beberapa isu yang berkaitan. Dalam perjumpaan tersebut, Ahli Majlis MPS menyuarakan bahawa penduduk PPR Paroi hendaklah mematuhi peraturan yang telah ditetapkan oleh pihak Majlis.







7. PENGLIBATAN / PROGRAM BERSAMA KOMUNITI

7.1 Laporan Pelaksanaan Program Sosial & Keselamatan, Program Bandar Selamat Inisiatif Pemutihan Kawasan *Blackspot* 2018

Program Pengedaran Risalah Keselamatan Program Bandar Selamat, MPSeremban

Inisiatif Pemutihan Kawasan Black Spots di-laksanakan untuk mengurangkan perasaan takut menjadi mangsa (*fear of being of crime*) di kawasan Black Spots. Kriteria kawasan 'Black Spots adalah "

HOTSPOTS/KES JENAYAH TINGGI (50%)

PERSEKITARAN (30%)

SOSIAL & KESELAMATAN (20%)





MAJLIS PERBANDARAN SEREMBAN

URUSETIA PROGRAM BANDAR SELAMAT
JABATAN PERANCANGAN PEMBANGUNAN,
WISMA PERBANDARAN, JALAN YAM TUAN
70990 SEREMBAN
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS

NOMBOR TELEFON :- 06-7667500/06 7667664
NOMBOR HOTLINE :- 06-7667555
NOMBOR FAKS :- 06-7639629
SMS :- 15888
EMAIL :- www.mpsns.gov.my

KERJASAMA BERSAMA

PLANMalaysia



PROGRAM
BANDAR
SELAMAT

MAJLIS PERBANDARAN SEREMBAN





12-13 Mac 2018
di Balai Polis Paroi dan sekitar
Taman Paroi Jaya

LAWATAN TEKNIKAL
SITE SCREENING PROGRAM BANDAR SELAMAT

Unit Bandar Selamat, Jabatan PErancangan Pembangunan, MP Seremban bersama **PLANMalaysia, Ketua Balai Polis Paroi, Agensi Anti Dadah Kebangsaan Negeri Sembilan dan Jabatan Kejuruteraan, MP Seremban.**

Pada **12 April 2018** satu lawatan teknikal diadakan untuk meninjau keadaan tapak dan kesesuaian projek yang akan dilaksanakan di kawasan *'Blackspot'* Taman Paroi Jaya.

Dimaklumkan bahawa semasa lawatan *site screening* ini, Jabatan Kejuruteraan, MP Seremban juga telah memberi penerangan berkenaan cadangan pelaksanaan projek langkah :-

i. Pencahayaan
ii. Pemasangan Papan Tanda Keselamatan; dan
iii. Rel Penghadang













- Program Pameran, Penerangan, *Walkabout & Omnipresence*
- **10 Feb 2018** di Sek. Keb. Paroi Jaya







- Operasi Dan Penahanan Orang Disyaki Sebagai Penagih Dadah
- **28 -29 Mac 2018** di sekitar Paroi

• OPS BERSAMA JABATAN JKM, JPAM, IMIGRESEN, PDRM

• 24 APRIL 2018

Sekitar Ampangan dan Paroi

(setiap agensi melaksanakan tugas dalam bidang kuasa masing2 :

•JKM - membuat penyelamatan keatas peminta sedekah

•IMIGRESEN - tangkapan PATI

•AADK - Orang yang disyaki penagih dadah

PDRM - Keselamatan & lain - lain Akta







• CERAMAH SAHABAT METHADONE

• 28 APRIL 2018

• Ceramah kepada penguna dadah yang mendapatkan rawatan metadon di Klinik Kesihatan Ampangan



•COMMUNITY EMPOWERNMENT DAN PROGRAM GOTONG ROYONG TADIKA KEMAS PAROI JAYA



6 MEI 2018





• HOMEVISIT OKP DAERAH SEREMBAN DI SEKITAR PAROI

• 23 MEI 2018

• UNIT RAWATAN AADK





PEMANTAUAN DAN MENANGANI KEROSAKKAN HARTA AWAM DI KAWASAN *BLACKSPOT*

- Pasukan renjer taman Majlis Perbandaran Seremban membersihkan kawasan di sekitar taman permainan
- Membuat kerja-kerja penyelenggaraan unit tindakan khas renjer taman bagi menyelenggara peralatan permainan kanak-kanak di Taman Paroi Jaya
- Pemantauan ini dilaksanakan oleh pasukan, renjer Taman MP Seremban pada bulan Oktober 2018





LAWATAN TEKNIKAL *SELEPAS* PELAKSANAAN PROJEK BLACKSPOT

Pada 15 Oktober 2018, satu lawatan teknikal telah diadakan bagi pemantauan selepas pelaksanaan projek di kawasan *'Blackspot'* Taman Paroi Jaya. Unit Bandar Selamat, Jabatan Perancangan Pembangunan, MP Seremban bersama :

- **Urusetia Program Bandar Selamat PLANMalaysia**
- **Kementerian Dalam Negeri, Putrajaya**
- **PLANMalaysia @ Negeri Sembilan**
- **Jabatan kejuruteraan, MPS**



8. PUBLISITI / SERANTA AWAM

8.1 Rancangan Tempatan *Malaysia Vision Valley* 2045 (RT MVV)

Pada tahun 2015, Kerajaan Persekutuan Malaysia dan Kerajaan Negeri Sembilan telah memperuntukkan Daerah Seremban dan Port Dickson sebagai kawasan pemangkin pertumbuhan ekonomi serantau sehingga tahun 2045 melalui pelbagai inisiatif transformasi dan pelaksanaan projek. Inisiatif ini akan dilaksanakan melalui perkongsian antara Persekutuan Kerajaan, Kerajaan Negeri dan sektor swasta.

Kawasan tersebut telah diumumkan Kerajaan sebagai Malaysia *Vision Valley* (MVV) dan merupakan salah satu projek utama di Rancangan Malaysia Ke-11 semasa pembentangan Bajet 2016. MVVCDP 2016-2045 telah disediakan dan diluluskan oleh Jawatankuasa Perancang Negeri pada tahun 2017.

Oleh itu, persediaan Rancangan Tempatan selaras dengan peruntukan perundangan, memperincikan Rancangan Pembangunan Komprehensif MVV 2016-2045 (MVVCDP 2016-2045), penggantian Rancangan Tempatan sedia ada, pertumbuhan penduduk dan pembangunan projek berimpak tinggi adalah amat diperlukan Persediaan RTMVV 2045 adalah mengikut peruntukan Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172) di dalam Seksyen 12, Bahagian III, dokumen Rancangan Tempatan Malaysia *Vision Valley* 2045.

Persediaan dokumen ini merupakan pelengkap kepada sistem perancangan fizikal negara yang terdiri dari tiga peringkat utama iaitu Rancangan Fizikal Negara (RFN), Rancangan Struktur Negeri (RSN) dan Rancangan Tempatan (RT) Rancangan Tempatan Malaysia *Vision Valley* 2045 (RTMVV 2045) adalah dokumen perancangan untuk Pihak Berkuasa Tempatan iaitu Majlis Perbandaran Seremban, Majlis Perbandaran Nilai dan Majlis Perbandaran Port Dickson bagi memandu hala tuju pembangunan, menggalakkan dan mengawal perancangan dan pemajuan tanah di kawasan pentadbiran.



Proses Penyediaan RT MVV 2045 Berdasarkan Akta 172

Subseksyen 12 (8) dan (9) dan seksyen 13, 14 dan 15 Akta 172 hendaklah terpakai berhubung pembuatan cadangan untuk pengubahan, pembatalan, atau penggantian suatu rancangan tempatan. Proses penyediaan RT MVV 2045 adalah sama dengan penyediaan RT yang melibatkan proses berikut:

Seksyen 12
Keperluan Penyediaan Rancangan Tempatan dan Kandungan

Seksyen 12A
Publisiti Awal

Seksyen 13
Publisiti Draf Rancangan Tempatan

Seksyen 14
Siasatan Tempatan dan Pendengaran Awam

Seksyen 15
Pewartaan Rancangan Tempatan

Kawasan Pemakaian RT MVV

Kawasan pemakaian RT MVV merangkumi keseluruhan Daerah Seremban dan Daerah Port Dickson dengan keluasan keseluruhan 153,411 hektar. Walaubagaimana kawasan RT MVV ini mempunyai tiga (3) Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) iaitu :

1. Majlis Perbandaran Seremban
2. Majlis Perbandaran Nilai
3. Majlis Perbandaran Port Dickson

Pemakaian RT MVV ini adalah secara bersama bagi ketiga-tiga PBT yang terlibat. Perancangan dan pembangunan masa hadapan di dalam kawasan RT MVV ini perlu dilaksanakan bersama bagi memastikan mencapai misi Malaysia Vision Valley.


Bandar Seremban


Bandar Nilai


Bandar Port Dickson



Daerah Seremban	Daerah Port Dickson
Pihak Berkuasa Tempatan 1. Majlis Perbandaran Seremban 2. Majlis Perbandaran Nilai Penduduk: • 612,700 penduduk (Tahun 2017) • 83 Peratus kepada penduduk MVV	Pihak Berkuasa Tempatan 1. Majlis Perbandaran Port Dickson Penduduk: • 128,000 penduduk (Tahun 2017) • 17 Peratus kepada penduduk MVV

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

UNIT PUSAT SETEMPAT (OSC)
MAJLIS PERBANDARAN SEREMBAN

PENGENALAN UNIT PUSAT SETEMPAT (OSC)

OBJEKTIF

- Pelaksanaan Pusat Setempat OSC menggariskan hala cara baru memproses permohonan secara serentak cadangan pemajuan yang dilaksanakan oleh Urusetia dan Jawatankuasa Pusat Setempat dalam mengurus, memproses dan mempertimbangkan permohonan-permohonan pemajuan yang berasaskan kepada peruntukan-peruntukan dalam Kanun Tanah Negara 1965, Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976, Akta Kerajaan Tempatan 1976, Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 serta Undang-undang Kecil Bangunan Seragam 1984.

- Melalui Urusetia Pusat Setempat (OSC), pelan – pelan cadangan pemajuan yang diproses adalah Pelan Ubah Syarat, Pecah Sempadan dan Perihal Tanah, Pelan Kebenaran Merancang, Pelan Bangunan, Pelan Kejuruteraan (Kerja Tanah, Jalan dan Perparitan, dan Lampu Jalan), Pelan Landskap, Pelan Nama Taman, Nama Jalan dan Nombor Bangunan dan Pelan Pra Hitungan.

- Pelaksanaan Pusat Setempat OSC di Majis Perbandaran Seremban dilancarkan secara rasmi pada 1 Jun 2007. Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) di Majlis Perbandaran Seremban telah dilaksanakan buat kali pertama pada 10 Julai 2007.

PERANAN & FUNGSI OSC

- Bagi tujuan meningkatkan sistem penyampaian prosedur dan proses permohonan cadangan pemajuan, semua permohonan akan diterima melalui Pusat Setempat.

Peranan Pusat Setempat ini ialah :

i. Menyelaras dan memantau permohonan cadangan pemajuan dan permohonan-permohonan lain yang diterima oleh Pusat Setempat
ii. Memaklumkan keputusan kelulusan permohonan cadangan pemajuan kepada pemohon
iii. Membuat perakuan permohonan pembangunan tanah kepada Pejabat Tanah;
iv. Menyediakan pelaporan berkala.
v. Bagi melancarkan perjalanan Pusat Setempat ini, satu Jawatankuasa ditubuhkan dan dipengerusikan oleh Yang DiPertua PBT.

PROGRAM & AKTIVITI

Mengadakan lawatan tapak projek setiap permohonan yang diterima di Unit OSC.

Bermula pada Mac 2018, Unit OSC telah mengadakan lawatan dan sesi Hands On Training OSC Online kepada Jabatan dan Agensi Teknikal Luaran dari semasa ke semasa bagi menambahbaik penggunaan Sistem OSC Online di Majlis Perbandaran Seremban.

PENAMBAHBAIKAN JABATAN BAGI TAHUN 2018

i. Pada tahun 2018 setiap permohonan yang telah DILULUSKAN DENGAN SYARAT akan dibentangkan semula di dalam Mesyuarat Jawatankuasa OSC akan datang.
ii. Menambahkan hasil melalui *fee* bayaran proses permohonan.

LAWATAN

Wakil Unit OSC Majlis Perbandaran Temerloh, Encik Shahrizan telah memberikan taklimat berkenaan OSC Online secara ringkas bagi penggunaan OSC Online pada 22 Februari 2018.

Pada tarikh 23 Mei 2018, satu lawatan daripada delegasi Finland telah datang bertukar informasi dan pendapat mengenai Sistem OSC Online dan sistem yang digunakan oleh pihak tersebut.

Unit OSC telah mengadakan lawatan ke Unit OSC, Majlis Perbandaran Manjung bagi taklimat contoh PBT yang melaksanakan OSC 3.0 secara sepenuhnya dan OSC Online pada 06 September 2018.

Mesyuarat Penyelarasan Capaian Internet Agensi Teknikal Luaran (Jabatan Kerja Raya Daerah Seremban, Jabatan Pengairan Dan Saliran Daerah Seremban, Jabatan Pengairan Dan Saliran Negeri Sembilan PLAN Malaysia @ NegeriSembilan) bagi perlaksanaan Sistem OSC Online bersama Unit ICT JKT, KPKT bertarikh 30hb Oktober 2018.

LENSA



WAKIL UNIT OSC MAJLIS PERBANDARAN TEMERLOH, ENCIK SHAHRIZAN TELAH MEMBERIKAN TAKLIMAT BERKENAAN OSC ONLINE

UNIT OSC TELAH MENGADAKAN LAWATAN DAN SESI *'HANDS ON TRAINING'* OSC ONLINE KEPADA JABATAN DAN AGENSI TEKNIKAL LUARAN DARI SEMASA KE SEMASA











UNIT OSC, MPS TELAH MENGADAKAN LAWATAN KE UNIT OSC, MAJLIS PERBANDARAN MANJUNG, PERAK DARUL RIDZUAN.

UNIT PUSAT SETEMPAT (OSC)



DELEGASI DARIPADA FINLAND TELAH DATANG BERTUKAR INFORMASI DAN PENDAPAT













PERTUKARAN PEGAWAI PERANCANG BANDAR DAN DESA UNIT OSC, ENCIK AZIZI BIN SABU KE MAJLIS PERBANDARAN KANGAR, PERLIS PADA 12 OKTOBER 2018

UNIT PUSAT SETEMPAT OSC (2018)

BILANGAN PELAN YANG TELAH DILULUSKAN

Status permohonan pelan yang telah diproses Januari - Disember 2018
(Mesyuarat Jawatankuasa OSC Bil. 01/2018 – 24/2018)

Bil	JENIS PERMOHONAN	JUMLAH PERMOHONAN	LULUS	TOLAK	TANGGUH
1.	Pelan Secara Serentak	129	76	53	-
2.	Pelan Kebenaran Merancang	6	4	2	-
3.	Pelan Kerja Tanah	1	1	-	-
4.	Pelan Jalan dan Perparitan	17	14	3	-
5.	Pelan Bangunan	114	97	9	8
6.	Pelan Lampu Jalan	19	19	-	-
7.	Pelan Landskap	21	19	2	-
8.	Pelan Nama Taman, Nama Jalan dan No. Bangunan	13	13	-	-
9.	Banglo (Individu)	46	46	-	-
	Jumlah	**366**	**289**	**69**	**8**
10.	Permohonan CCC/CFO	102	-	-	-
	Jumlah Keseluruhan	**468**	**289**	**69**	**8**

JABATAN PENILAIAN & HARTANAH
MAJLIS PERBANDARAN SEREMBAN

JABATAN PENILAIAN & HARTANAH

OBJEKTIF

- Memastikan supaya setiap tanah dan bangunan yang terletak di dalam kawasan Majlis telah disenaraikan untuk kutipan hasil cukai taksiran.

- Memastikan supaya nilaian dan seterusnya cukai yang dikenakan ke atas setiap tanah dan bangunan adalah berpatutan, selaras dan tepat.

- Memastikan supaya setiap tanah dan bangunan yang dikenakan cukai taksiran mempunyai butiran maklumat yang diperlukan dan disimpan dalam fail laporan penilaian bagi setiap harta terlibat.

- Memberikan kerjasama dalam urusan membekalkan butiran maklumat harta yang diperlukan oleh Jabatan Kerajaan, Perbadanan Awam dan Pihak Swasta.

- Menjaga kepentingan Majlis dari segi hak penilaian tanah dan bangunan yang dimilikinya terutama sekali dalam urusan yang melibatkan projek usahasama / penswastaan tanah-tanah milik Majlis.

- Memastikan hasil Majlis yang diperolehi dari cukai taksiran terus meningkat dari masa kesemasa sejajar dengan pembangunan sektor hartanah di kawasan pentadbiran Majlis.

- Membantu pentadbiran Majlis dalam urusan menuntut bayaran tunggakan cukai taksiran ke atas harta-harta yang ada tunggakan kerana ia penting bagi menjamin kedudukan kewangan yang stabil dan kukuh.

FUNGSI

- Menyediakan senarai nilaian.
- Menyediakan senarai Caruman Membantu Kadar (CMK).
- Memproses permohonan tuntutan pulangan balik / remisi cukai tafsiran.
- Mengemaskini maklumat harta (nama dan alama pemilik).
- Carian rasmi butiran hak milik tanah.
- Pentadbiran am

AKTIVITI

1. Penilaian Loji Dan Jentera pada 19 hingga 21 Mac 2018 di The Grand Beach Resort, Port Dickson

Jabatan telah mengadakan kursus Penilaian Loji Dan Jentera pada 19 hingga 21 Mac 2018 di The Grand Beach Resort, Port Dickson. Penceramah jemputan adalah En. Sr. Shahuddin bin Salleh selaku Pengarah Penilaian Negeri Perlis dan Prof Madya Sr. Hj. Baharudin Bin Mohd Hanipah daripada Trans Asia Property Consultancy Sdn Bhd.





2. Lawatan kerja ke kawasan luar dari Seremban

Bagi memantapkan pengetahuan dalam bidang kerja seharian jabatan turut mengadakan lawatan kerja ke kawasan luar dari Seremban iaitu ke agensi dan ke PBT-PBT lain bagi mempelajari dan menambah pengetahuan akademik dan isu semasa. Antara lawatan kerja yang dibuat sepanjang tahun 2018 adalah seperti berikut :-

i. Lawatan ke Perbadanan Putrajaya pada 8 Februari 2018.





UNIT PESURUHJAYA & BANGUNAN (COB)
MAJLIS PERBANDARAN SEREMBAN

UNIT PESURUHJAYA & BANGUNAN (COB)

- Bagi bangunan atau tanah yang akan dipecah bahagi dan dikeluarkan hak milik strata, wujud bahagian yang dinamakan **harta bersama** yang boleh digunakan oleh semua penghuni. Bangunan dan harta bersama ini perlu diselenggara dan diurus dengan sempurna. Ini memerlukan pihak yang diberi kuasa dan tanggungjawab mengendalikannya dan dana untuk membiayai kos penyelenggaraan dan pengurusan ini.

- Bagi memastikan tanggungjawab penyelenggaraan dan pengurusan dapat dilaksanakan dengan teratur dan berkesan serta untuk menjaga kepentingan semua yang terlibat secara adil, kerajaan telah menyediakan Akta Pengurusan Strata 2013 (Akta 757) dan peraturan-peraturan di bawahnya. Dengan berkuatkuasanya Akta 757, **Pesuruhjaya Bangunan (COB)** bertanggungjawab mengawal selia kesempurnaan penyelenggaraan dan pengurusan bangunan dan harta bersama dijalankan oleh Pemaju, Badan pengurusan Bersama (JMB) Perbadanan Pengurusan (MC), Perbadanan Pengurusan Subsidiari (Sub-MC) dan Ejen. Penyelenggaraan dan pengurusan bangunan dan harta bersama di bawah Akta 757 meliputi semua jenis bangunan yang dipecahbahagi dan dikeluarkan hak milik strata seperti berikut:-

  - Bangunan kediaman seperti kondominium, pangsapuri serta pemajuan berkonsepkan komuniti berpagar (*gated community)*; dan

  - Bangunan komersial seperti bangunan pejabat, kompleks membeli belah, pangsapuri perkhidmatan *(service apartment)*, pemajuan bercampur *(mixed development)* dan bangunan industri.

  - Lain-lain bangunan yang akan memperolehi hakmilik strata.

OBJEKTIF

- Memantau kualiti pengurusan bangunan berstrata dilaksanakan secara teratur dan tersusun berdasarkan undang-undang dan peraturan yang ditetapkan bagi meningkatkan kualiti kehidupan penduduk berstrata.

FUNGSI

- Akta 757 digubal bagi memastikan penyelenggaraan dan pengurusan semua jenis bangunan berstrata diurus dengan baik dan dikawal selia oleh COB mengikut peruntukan Akta Pengurusan Strata 2013 (Akta 757).
- Mewujudkan Dan Mengemaskini Inventori Semua Kawasan Pemajuan Berstrata (Pangkalan Data)
- Memantau Penubuhan JMB/MC Di Semua Kawasan Pemajuan Berstrata
- Memberi Khidmat Nasihat Kepada Pemaju/JMB/MC Berkaitan Penyelenggaraan Dan Pengurusan Harta Bersama
- Mengawal selia Kesempurnaan Penyelenggaraan Dan Pengurusan Bangunan Dan Harta Bersama
- Memastikan Mesyuarat AGM Dijalankan Dalam Tempoh Yang Ditetapkan
- Menyelaras, Mengendali & Mengambil Tindakan Penyelesaian Pertikaian Diantara Pengadu Dengan Pihak-Pihak Berkepentingan Termasuk Menjadi Mediator
- Memantau Akaun Pengurusan Bangunan Berstrata
- Mengambil Tindakan Penguatkuasaan
- Membuat Pelantikan & Mengawal Selia Ejen Pengurusan Yang Dilantik Oleh COB

AKTIVITI

1 SEMINAR / BENGKEL YANG DIKENDALIKAN OLEH UNIT COB, MPS

1.1 Program Pendidikan Komuniti Strata 2018
telah diadakan pada 5 Mei 2018 bertempat di Bilik Pameran , Dewan MPS







1.2 Seminar Pemahaman Tindakan Pengkuatkuasaan di bawah akta Pengurusan strata 2013 (Akta 757)
telah diadakan pada 11 Ogos 2018 bertempat di Bilik Pameran, Dewan MPS . Seminar telah dirasmikan oleh YB Tuan Teo Kok Seong dan penutupan seminar oleh Pesuruhjaya Bangunan MPS











2 PENGLIBATAN BERSAMA KOMUNITI SKIM PEMAJUAN BERSTRATA

2.1 Mesyuarat Agung Tahunan Kali Ke-7 Flat Taman Cengal Utama, Ampangan

Tarikh : 22 Julai 2018
Tempat : Dewan terbuka Flat Taman Cengal Utama





2.2 Mesyuarat Agung Tahunan Pertama Penubuhan JMB bagi Pusat Perniagaan Senawang Jaya 2 (5 Blok)

Tarikh : 28 Julai 2018
Tempat : Pusat Perniagaan Senawang Jaya 2





2.3 Program Komuniti Taman Bukit Berlian bersama YB Tuan Chew Seh Yong (ADUN Lobak)

Tarikh : 4 Ogos 2018
Tempat : Gelanggang Bola Keranjang Taman Bukit Berlian







2.4 Mesyuarat Agung Tahunan Perbadanan Pengurusan Rumah Pangsa Kos Rendah Taman Sri Rasah Blok A & B

Tarikh : 19 Ogos 2018
Tempat : Rumah Pangsa Taman Sri Rasah





2.5 Mesyuarat membincangkan berhubung teguran mesyuarat agung yang telah diadakan oleh Perbadanan Pengurusan Terminal 1

Tarikh : 4 Ogos 2018
Tempat : Gelanggang Bola Keranjang Taman Bukit Berlian



2.6 Program gotong-royong di Flat Taman Cengal Utama

Tarikh : 19 Ogos 2018
Tempat : Rumah Pangsa Taman Sri Rasah



2.7 Mesyuarat Agung Luar Biasa bagi Perbadanan Pengurusan Rumah Pangsa Kos Rendah Taman Bukit Berlian No.Geran 23912 (Blok C & D)

Tarikh : 20 November 2018
Tempat : Perkarangan kawasan Rumah Pangsa Kos Rendah Taman Bukit Berlian (Blok C & D)



Mesyuarat turut dihadiri oleh YB Tuan Chew Seh Yong (ADUN Lobak) sebagai pemudah cara semasa mesyuarat agung bersidang.





Unit COB menghadiri mesyuarat agung yang diadakan oleh Pemaju/JMB/MC adalah sebagai pemerhati dan member taklimat berhubung peranan dan tanggungjawab sebagai pemilik hartanah strata sebelum mesyuarat dimulakan.

3 LAWATAN JABATAN DALAM NEGARA / LUAR NEGARA

3.1 Lawatan kerja di Majlis Perbandaran Kajang pada 25 Januari 2018 untuk mempelajari tatacara pelaksanaan penahanan harta alih dan penyediaan *"starter kit"* kepada badan pengurusan skim pemajuan berstrata.





3.2 Perjumpaan bersama pihak Cawangan Pengurusan Strata, KPKT bagi membincangkan berhubung permasalahan di skim Pemajuan berstrata MPS pada 19 Februari 2018.

JABATAN TEKNOLOGI MAKLUMAT & KOMUNIKASI
MAJLIS PERBANDARAN SEREMBAN

JABATAN TEKNOLOGI MAKLUMAT & KOMUNIKASI

OBJEKTIF

- Untuk membudayakan penggunaan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) sebagai jentera utama di dalam penggunaan dan pentadbiran di kalangan pegawai dan kakitangan Majlis.

FUNGSI

- Merancang dan menyelaras pembangunan dan penyelenggaraan aplikasi Majlis.
- Merancang keperluan dan penyelenggaraan perkakasan dan perisian komputer.
- Merancang dan menyelenggara sistem rangkaian dan keselamatan.
- Membangun dan menyelenggara laman web rasmi Majlis dan penyediaan montaj.

AKTIVITI

- Latihan Penggunaan Sistem e-public Kepada Kakitangan Majlis Perbandaran Nilai pada 14 & 15 Mac 2018 di Bilik Komputer ICT Majlis Perbandaran Nilai





- Pengkabelan Rangkaian di Pejabat Taman dan Landskap





- Taklimat Lawatan Tapak bagi Perolehan



- Mengkaji, merekabentuk, membekal, menghantar, memasang, menguji, melatih, mentauliah dan menyelenggara (Dalam tempoh jaminan) perkakasan dan perisian di bangunan baharu (Lot 24392, Geran, Taman Forest Height Mukim Bandar Seremban, Negeri Sembilan Darul Khusus)

- Pengkabelan Rangkaian di Pejabat Taman dan Landskap





- Pembaikan *Scoreboard* di Stadium Tuanku Abdul Rahman Paroi



- Lawatan oleh Yg. Bhg. Dato' Hj. Zazali Bin Salehudin setelah dilantik sebagai Yang Dipertua Majlis Perbandaran Seremban







- Majlis Berbuka Puasa Jabatan ICT di Dewan KRS Warisan Puteri

- Sambutan Hari Raya Aidilfitri dan Hari Lahir Pegawai dan Kakitangan JTMK Sepanjang Tahun 2018







- Aktiviti Riadah di Taman Tasik Seremban



PENAMBAHBAIKAN







- Latihan Penggunaan Sistem GeoRIS oleh Rancang Bistari di Mahkota Hotel, Melaka pada 3 & 4 April 2018



- Penglibatan ICT sebagai fasilitator dalam Bengkel Kemasukkan Data-Data Pengurusan Aset *'My Aset'* Bagi Sistem SPBT Di Corus Paradise Resort, Port Dickson pada 14 & 15 November 2018.



- Taklimat Perkhidmatan Mudah Alih Kerajaan *(MYGOV MOBILE)* Bersama Agensi Pelaksana pada 15 Mei 2018 bertempat di Auditorium Jabatan Perdana Menteri Putrajaya



- Perpindahan data sistem *ePublic* Server lama ke Server Baru







- Kerja-Kerja Penyelenggaraan Sistem Rangkaian Majlis Sepanjang Tahun 2018



- *Preventive Maintenance* dan Pemantauan di Bilik CCTV, Bangunan MPS dan Sekitar Kawasan Seremban





- Proses Pelupusan dan Pembersihan Barang ICT







- Pemindahan Perkakasan dan Penutupan BDD Lobak



- Program Network Security Industry Talk #1 2018 pada 27 Ogos 2018 bertempat di MCMC Auditorium Cyberjaya



- Program *'Attend The Cities 4.0'* pada 27 & 28 Ogos 2018 bertempat di Royal Chulan





- Bengkel Defendor – *Security Best Practices* Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan

PENGLIBATAN / PROGRAM BERSAMA KOMUNITI







- Latihan ICT Di Pusat Internet Rakyat

JABATAN TAMAN & LANDSKAP
MAJLIS PERBANDARAN SEREMBAN

JABATAN TEKNOLOGI MAKLUMAT & KOMUNIKASI

OBJEKTIF

- Untuk menjadikan Bandar Seremban sebagai sebuah Bandaraya yang mempunyai imej dan karakter yang tersendiri dalam menuju alaf baru serta membangun sejajar dengan peningkatan mutu alam sekitar serta menjadikan Seremban sebagai sebuah Bandar dalam taman.

FUNGSI

- Merancang, melaksana dan memantau semua program pengindahan dan landskap negara.
- Memberi perkhidmatan, khidmat nasihat berkaitan dengan aktiviti rekabentuk dan penyelenggaraan landskap untuk agensi-agensi kerajaan dan swasta.
- Merancang dan memantau program-program pembangunan landskap dan kemudahan riadah serta alatan permainan kanak-kanak di kawasan pentadbiran Majlis.
- Memberi perkhidmatan sewaan bagi kemudahan-kemudahan yang terdapat di jabatan seperti sewa chalet di Taman Malaysia, sewa basikal di gelanggang basikal dan sewa pasu bunga kepada agensi kerajaan dan swasta untuk tujuan hiasan.

AKTIVITI

AKTIVITI	PROJEK	KOS PROJEK	TARIKH MULA	TARIKH SIAP
1	KERJA-KERJA PENYELENGGARAAN LANDSKAP DI KAWASAN TAMAN TASIK FASA 1,2 & 3, TAMAN PERMAINAN JALAN LT. ADNAN DAN JALAN TAMAN BUNGA MAJLIS PERBANDARAN SEREMBAN (KONTRAK PENYELENGGARAAN TAHUNAN)	414,336.00	1.5.2018	31.4.2020



















AKTIVITI	PROJEK	KOS PROJEK	TARIKH MULA	TARIKH SIAP
2	KERJA-KERJA PENYELENGGARAAN POKOK UTAMA DAN PEMBERSIHAN KAWASAN DI DALAM ZON SENAWANG (ADUAN AWAM 2016) UNTUK MAJLIS PERBANDARAN SEREMBAN	37,150.00	18.6.2018	1.8.2018

AKTIVITI	PROJEK	KOS PROJEK	TARIKH MULA	TARIKH SIAP
3	KERJA-KERJA PENYELENGGARAAN POKOK UTAMA DAN PEMBERSIHAN KAWASAN DI DALAM ZON SEREMBAN 2 (ADUAN AWAM 2016) UNTUK MAJLIS PERBANDARAN SEREMBAN	49,700.00	8.6.2018	6.8.2018

- **CONTOH KAWASAN**

  No. Aduan : 0602/03/2016
  Lokasi : No. 636, Lorong S2A 14/2, Green Street Homes, Seremban 2






AKTIVITI	PROJEK	KOS PROJEK	TARIKH MULA	TARIKH SIAP
4	KERJA-KERJA PENYELENGGARAAN POKOK UTAMA DAN PEMBERSIHAN KAWASAN DI DALAM ZON SIKAMAT (ADUAN AWAM 2016) UNTUK MAJLIS PERBANDARAN SEREMBAN	54,000.00	22.6.2018	20.8.2018






AKTIVITI	PROJEK	KOS PROJEK	TARIKH MULA	TARIKH SIAP
5	KERJA-KERJA CANTASAN DAN PENEBANGAN POKOK UTAMA DI KAWASAN TAMAN BUKIT KEPAYANG DAN MUTIARA GALLA SERTA KERJA-KERJA BERKAITAN, MAJLIS PERBANDARAN SEREMBAN, NEGERI SEMBILAN	41,000.00	26.7.2018	24.9.2018

AKTIVITI	PROJEK	KOS PROJEK	TARIKH MULA	TARIKH SIAP
6	KERJA-KERJA MEMBINA DAN MENYIAPKAN KEMUDAHAN RIADAH DAN PERALATAN PERMAINAN KANAK-KANAK DI TAMAN DESA MELOR DAN TAMAN SENAWANG INDAH, SENAWANG	41,000.00	26.7.2018	24.9.2018













AKTIVITI	PROJEK	KOS PROJEK	TARIKH MULA	TARIKH SIAP
7	KERJA – KERJA PENYELENGGARAAN LANDSKAP DI SEKITAR TAMAN – TAMAN AWAM KAWASAN GELANGGANG LALU LINTAS MPS (KONTRAK PENYELENGGARAAN TAHUNAN)	430,576.88	1.2.2017	1.2.2017



AKTIVITI	PROJEK	KOS PROJEK	TARIKH MULA	TARIKH SIAP
8	KERJA-KERJA PENYELENGGARAAN LANDSKAP TAMAN AWAM DI TAMAN TASIK JAYA, SEREMBAN (KONTRAK PENYELENGGARAAN TAHUNAN)	363,180.00	1.2.2017	1.2.2019



AKTIVITI	PROJEK	KOS PROJEK	TARIKH MULA	TARIKH SIAP
9	KERJA-KERJA PENYELENGGARAAN LANDSKAP BERMULA DARI TRAFFIC LIGHT BERHADAPAN TERMINAL SEHINGGA KE SEMPADAN SEREMBAN 2 DAN *TRAFIC LIGHT* PALM MALL, SEREMBAN (KONTRAK PENYELENGGARAAN TAHUNAN)	402,053.00	1.2.2017	1.2.2019






AKTIVITI	PROJEK	KOS PROJEK	TARIKH MULA	TARIKH SIAP
10	KERJA-KERJA PENYELENGGARAAN LANDSKAP DI KAWASAN JALAN SENAWANG – KUALA PILAH DARI TOL SENAWANG HINGGA PERSIMPANGAN JALAN KUALA PILAH / LEKAS (KONTRAK PENYELENGGARAAN TAHUNAN)	367,078.00	1.4.2017	1.4.2019






AKTIVITI	PROJEK	KOS PROJEK	TARIKH MULA	TARIKH SIAP
11	KERJA-KERJA PENYELENGGARAAN LANDSKAP DI KAWASAN JALAN UTAMA SEREMBAN – KUALA PILAH DARI PERSIMPANGAN JLN ZAABA (BOMBA) HINGGA PERSIMPANGAN JALAN NUSA INTAN (KONTRAK PENYELENGGARAAN TAHUNAN)	394,616.00	1.4.2017	1.4.2019





AKTIVITI	PROJEK	KOS PROJEK	TARIKH MULA	TARIKH SIAP
12	KERJA-KERJA PENYELENGGARAAN LANDSKAP DI KAWASAN JALAN UTAMA SEREMBAN – TAMPIN DARI PERSIMPANGAN JALAN RAHANG KECIL HINGGA KE SEMPADAN MAJLIS (TAMAN TUANKU JAAFAR). (KONTRAK PENYELENGGARAAN TAHUNAN)	339,200.00	1.5.2017	1.5.2019






AKTIVITI	PROJEK	KOS PROJEK	TARIKH MULA	TARIKH SIAP
13	LAPORAN BERKALA **INVENTORI & FORENSIK POKOK-POKOK AMENITI TAMAN TASIK SEREMBAN 01/2018**	-	-	-









Faktor Kualiti Fizikal dan Sosial (Q)	**Q.i + Q.ii**	**= Q**		**64.00**
Indeks Kepentingan (SI)	**S x A x Q**	**= SI**		**130409.92**
NILAI POKOK (RM)	**SI x *P** *(RM30)*	**= RM**		**3,912,297.60**

1. ***Tidak terdapat sebarang tanda pereputan di mana-mana bahagian perdu pokok (tree stem)***
2. **Tidak terdapat sebarang penyakit, fungi dan kulat / conk tumbuh di sekitar batang dan akar pokok**
3. ***Pembersihan tumbuhan liar di sekeliling pokok (perimeter clearance) dan semburan cecair racun anai-anai 'WESCO TERMIFOS 212' telah di buat pada bulan Julai, September & Disember 2017***

No. Daftar Pokok : **MPS/JTL/I&F/TTS/TmnMalaysia/0001-2017**
Nama Botani : **Heveabrasiliensis**
Nama Tempatan : **Getah para**
Lokasi : **Taman Tasik** (sebelah kanan Galeri Diraja)

Bil	Perkara	SKALA					SKOR
		0	1	2	4	8	
1	**Kesihatan Pokok**	Mati	Rawatan pemulihan diperlukan segera untuk hidup.	Rosak, berpenyakit atau pertumbuhan terhad. Memerlukan rawatan.	Pertumbuhan biasa dan bebas kecederaan.	Sangat subur dan bebas kecederaan.	4
2	**Faedah Alam Sekitar**	Pokok liar	Sedikit faedah kepada fauna.	Memberi faedah kepada flora dan fauna.	Pokok asal yang hampir pupus.	Pokok asal yang mempunyai nilai ekosistem yang tinggi	4
3	**Jangkaan Hayat Pokok**	0-5 tahun	5-20 tahun	20-50 tahun	50-100 tahun	>100 tahun	8
4	**Potensi Hidup**	Perlukan air pada peringkat awal penanaman	Perlukan penyelenggaraan selama 3 bulan.	Perlukan pemulihan tanah dan penyelenggaraan selama 2 tahun.	Perlukan pemulihan tanah, perlindungan dan penyelenggaraan berterusan.	Sangat sukar disebabkan pencemaran dan vandalisme.	4
5	**Kadar Pertumbuhan**	> 2000 mm/thn	800-2000 mm/thn	400-800 mm/thn	200-400 mm/thn	<200 mm/thn	8
						JUMLAH SKOR Q.i	28

Bil	Perkara	SKALA					SKOR
		0	2	4	8	16	
1	**Faedah Sosial**	Merbahaya dan langsung tidak sesuai di kawasan setempat.	Merbahaya, tumbuh melepasi tahap memberi faedah.	Tidak mempunyai fungsi yang istimewa dan bermasalah.	Punyai fungsi istimewa; berbunga, berbuah dan nilai landskap.	Mewujudkan "sense of place"	16
2	**Bentuk dan Ciri-Ciri**	Tidak menarik	Biasa, jelas dan mudah difahami.	Menarik sebahagian tahun.	Menarik sepanjang tahun.	Istimewa dan spesimen menarik.	2
3	**Kepentingan Sosial**	Jarang kelihatan	Selalu di lihat oleh masyarakat sekeliling.	Di lihat oleh komuniti kejiranan dan orang yang lalu lalang.	Di ketahui masyarakat setempat dan orang yang lalu lalang.	Punyai kepentingan sejarah setempat dan di ketahui umum.	16
						JUMLAH SKOR Q.ii	36

JABATAN UNDANG-UNDANG
MAJLIS PERBANDARAN SEREMBAN

JABATAN UNDANG-UNDANG

OBJEKTIF

- Menyediakan perkhidmatan perundangan dari segi khidmat nasihat dan pendefinasian undang-undang serta menjalankan penguatkuasaan undang-undang bagi mengekalkan keharmonian, keselesaan dan keselamatan penduduk di dalam kawasan pentadbiran Majlis Perbandaran Seremban selaras dengan undang-undang yang diguna pakai.

FUNGSI

- Memberi nasihat dan penguatkuasaan undang-undang.

AKTIVITI



LATIHAN MENEMBAK



PAMERAN MINGGU INOVASI PERINGKAT NEGERI SEMBILAN 2018



JOHAN KONVENSYEN KIK PERINGKAT NEGERI SEMBILAN 2018



PERBARISAN HARI KEMERDEKAAN 2018



KONVENSYEN KIK PERINGKAT NEGERI SEMBILAN 2018



NAIB JOHAN PERTANDINGAN KAWAD SEMPENA SAMBUTAN HARI KEMERDEKAAN 2018 PERINGKAT NEGERI SEMBILAN

PENGIKTIRAFAN / PENCAPAIAN

MPS SEPANJANG TAHUN 2018

KONVENSYEN KUMPULAN INOVATIF DAN KREATIF (KIK) PERKHIDMATAN AWAM PERINGKAT NEGERI SEMBILAN TAHUN 2018

Pejabat Setiausaha Kerajaan
Negeri Sembilan Darul Khusus

Dengan ini mengesahkan bahawa

MOHD SAFUAN BIN AMINNUDDIN

KUMPULAN GEO PLANNER
MAJLIS PERBANDARAN SEREMBAN
telah menyertai

KONVENSYEN KUMPULAN INOVATIF DAN KREATIF (KIK)
PERKHIDMATAN AWAM PERINGKAT NEGERI SEMBILAN TAHUN 2018

pada

6 & 7 OGOS 2018

bertempat di

WISMA NEGERI, SEREMBAN

(DR. RAZALI BIN AB. MALIK)
Setiausaha Kerajaan
Negeri Sembilan Darul Khusus

MINGGU INOVASI PERINGKAT NEGERI SEMBILAN TAHUN 2018

Pejabat Setiausaha Kerajaan
Negeri Sembilan Darul Khusus

Dengan ini mengesahkan bahawa

KUMPULAN GEO PLANNER
MAJLIS PERBANDARAN SEREMBAN

telah menyertai

MINGGU INOVASI PERINGKAT NEGERI SEMBILAN TAHUN 2018

pada

19 HINGGA 21 OKTOBER 2018

bertempat di

POLITEKNIK PORT DICKSON
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS

(DR. RAZALI AB MALIK)
Setiausaha Kerajaan
Negeri Sembilan Darul Khusus

‘EXPLORACE’ JEJAK WARISAN ALOR SETAR SEMPENA SAMBUTAN HARI PERANCANGAN BANDAR SEDUNIA 2018

HARI PERANCANGAN BANDAR SEDUNIA 2018
HPBS 2018
BANDAR UNTUK SEMUA

Sijil Penyertaan

Dengan ini disahkan bahawa

SYAMSIDA BT MOHD SAWAL

telah menyertai

‘EXPLORACE’ JEJAK WARISAN ALOR SETAR SEMPENA SAMBUTAN HARI PERANCANGAN BANDAR SEDUNIA 2018

pada

03 NOVEMBER 2018

bertempat di

BANDAR ALOR SETAR

anjuran

PLANMalaysia
(Jabatan Perancangan Bandar dan Desa)
Perancangan Melangkaui Kelaziman
Planning Beyond Conventional

PLANMalaysia@Kedah
(Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Kedah)
Perancangan Melangkaui Kelaziman
Planning Beyond Conventional

DATO’ HAJI MOHD ZOHDI BIN HAJI SAAD, DSDK., SDK., AMK., BCK.
Datuk Bandar
Majlis Bandaraya Alor Setar

PENGIKTIRAFAN ANUGERAH KHAS KESELAMATAN PERLINDUNGAN TAHUN 2017 MAJLIS PERBANDARAN SEREMBAN

Anugerah Khas
Keselamatan Perlindungan
Tahun 2017

CEMERLANG

Kepada

Majlis Perbandaran
Seremban

DR. ISMAIL BIN HJ. BAKAR
Ketua Setiausaha Negara

LAWATAN LUAR DAN DALAM

KE MPS SEPANJANG TAHUN 2018

KUNJUNGAN HORMAT WAKIL RAKYAT DUN LENGGENG Y.B. TUAN SUHAIMI BIN KASSIM BESERTA ROMBONGAN DARI PUSAT KHIDMAT DUN LENGGENG

Pada 8 Jun 2018 (Jumaat), Majlis Perbandaran Seremban telah menerima kunjungan Hormat Wakil Rakyat Dun Lenggeng iaitu Y.B. Tuan Suhaimi bin Kassim beserta rombongan dari Pusat Khidmat Dun Lenggeng bagi mendengar taklimat tentang Majlis Perbandaran Seremban.









KUNJUNGAN HORMAT OLEH Y.B. TUAN TEO KOK SEONG PENGERUSI JAWATANKUASA BERTINDAK KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN KERAJAAN TEMPATAN DAN KAMPUNG BARU

Pada 5 Julai 2018 (Khamis) satu kunjungan hormat telah diadakan oleh Y.B. Tuan Teo Kok Seong Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Kesejahteraan Bandar, Perumahan Kerajaan Tempatan dan Kampung Baru bagi mendengar dan berkongsi Taklimat *Overview* Majlis Perbandaran Seremban bersempena dengan pertukaran kerajaan baru. Taklimat tersebut telah dihadiri ketua – ketua jabatan dan pegawai Majlis Perbandaran Seremban.









LAWATAN SISTEM PENARAFAN BINTANG PIHAK BERKUASA TEMPATAN (SPB – PBT)



Pada 26 Julai 2018 (Khamis) bertempat di Bilik Pameran, Majlis Perbandaran Seremban telah menerima Lawatan Sistem Penarafan Bintang Pihak Berkuasa Tempatan (SPB – PBT) bagi Semenanjung Malaysia dan WP Labuan Tahun 2018. Seramai 8 orang Auditor daripada KPKT telah hadir ke Majlis Perbandaran Seremban untuk mengaudit 11 Jabatan dan Unit.











LAWATAN DARIPADA MAJLIS PERBANDARAN JASIN







Pada 5 Disember 2018 (Rabu) bertempat di Bilik Mesyuarat Sri Seremban, Majlis Perbandaran Seremban telah menerima lawatan daripada Majlis Perbandaran Jasin. Lawatan 20 orang pegawai ini disertai oleh Setiausaha Majlis Perbandaran Jasin. Tujuan lawatan tersebut adalah bagi tujuan mempelajari Tatacara Pengurusan Sitaan Kenderaan Lusuh / Buruk.





KERATAN AKHBAR



Kok Seong mendengar penerangan daripada Abd Halim (tiga, kanan) berhampiran projek.

Bangunan baharu MPS dijangka beroperasi tahun depan

SEREMBAN - Bangunan baharu Majlis Perbandaran Seremban (MPS) yang dalam proses pembinaan telah siap 60 peratus dan dijangka dapat beroperasi Mac tahun depan.

Exco Kesejahteraan Bandar, Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Kampung Baru negeri, Teo Kok Seong berkata, projek melibatkan pengubahsuaian bangunan sebuah pasar raya lama di Taman Forest Height di sini, melibatkan kos RM21.4 juta dan akan menyediakan 12 jawatan.

"Sebelum ini orang ramai berhadapan masalah mendapatkan perkhidmatan di bawah MPS pada satu masa kerana jabatannya berada di pelbagai lokasi.

"Tapi masalah itu tidak akan berlaku lagi selepas ini dan saya berpendapat dengan siapnya bangunan ini kelak, ia akan menjadi infrastruktur yang paling terbaik di negeri ini," katanya pada sidang media selepas membuat lawatan ke lokasi, semalam.

Hadir sama Yang Dipertua MPS, Datuk Abd Halim Abd Latiff dan Adun Temiang, Ng Chin Tsai.

Menurutnya, antara kemudahan disediakan di kawasan tapak seluas 8.5 ekar itu ialah 600 ruang parkir, kaunter pandu lalu dan bilik mesyuarat berkonsep terbuka.

"Meskipun kerajaan negeri baru masih belum buat keputusan berkaitan status bandar raya Seremban, namun projek yang memberi manfaat kepada rakyat tetap akan diteruskan," katanya.



HARIAN METRO

Caj parkir 60 sen sejam bermula 12 September

Seremban: Majlis Perbandaran Seremban (MPS) akan mengenakan caj tempat letak kereta sebanyak 60 sen sejam di pusat bandar ini bermula 12 September nanti.

Yang Dipertua MPS, Datuk Zazali Salehudin berkata, MPS tidak mengenakan bayaran sejak September tahun lalu selepas kontraktor yang dilantik untuk mengendalikan sistem tempat letak kenderaan itu ditamatkan perkhidmatan.

Menurutnya, proses pelantikan kontraktor baru bagi mengendalikan sistem tempat letak kereta berkenaan sedang dijalankan.

Katanya, tender baru bagi pengurusan sistem itu termasuk penyelenggaraan dan penguatkuasaan menggunakan aplikasi se- pintar sudah dike- lam proses proses pe- melalui tempoh

ZAZALI

bagi kontraktor baru mula beroperasi mengambil masa antara dua hingga empat bulan, maka MPS akan melaksanakan kutipan secara manual menggunakan tiket.

"Kita akan menempatkan anggota untuk mengeluarkan tiket peringatan maklumat dan pembayaran secara manual yang boleh dibuat di pondok letak kereta disediakan," katanya dalam satu kenyataan di sini, semalam.



24 ahli MPS angkat sumpah

SEREMBAN - Seramai 24 ahli Majlis Perbandaran Seremban (MPS) semalam mengangkat sumpah di hadapan Yang Dipertua MPS, Datuk Zazali Salehudin.

Mereka yang juga muka baharu turut menandatangani surat pelantikan sebagai ahli majlis MPS bagi sesi 2018-2019 (mulai 10 Ogos, 2018 hingga 31 Disember 2019).

Mereka terdiri daripada lapan wakil DAP, tujuh wakil PKR serta masing-masing tiga dari Amanah, Bersatu dan NGO mengikut komposisi.

Majlis disaksikan Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Kesejahteraan Bandar, Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Kampung Baru negeri, Teo Kok Seong.

Berucap kepada pemberita Kok Seong berkata, mesyuarat penuh ahli majlis MPS dibuka kepada orang ramai dalam usaha meningkatkan ketelusan pentadbiran kerajaan negeri ini di semua peringkat.

Katanya, langkah itu sebahagian janji kerajaan PH bagi meningkatkan amalan demokrasi dan profesionalisme dalam pentadbiran PBT.

"Usaha itu beri peluang orang ramai termasuk wartawan ikuti mesyuarat penuh ahli majlis MPS yang selama ini dijalankan secara tertutup. Kita laksanakan tindakan ini supaya kerajaan baharu lebih terbuka dan pada masa sama prestasi ahli majlis MPS dapat dipantau orang ramai.

"Ini dapat pastikan mereka akan bekerja lebih bersungguh-sungguh dan dasar kerajaan tempatan dapat dihayati orang ramai," katanya.

Zazali pula mengingatkan ahli majlis MPS supaya sentiasa mengamalkan perkhidmatan yang cekap, berintegriti dan mesra pelanggan ketika melaksanakan tanggungjawab diamanahkan.

Sementara itu, buat pertama kalinya golongan OKU dilantik menjadi ahli majlis MPS.

Kok Seong berkata, pelantikan Wong Soo Pin, 48, sebagai ahli majlis MPS sebagai satu daripada usaha kerajaan negeri untuk mendekatkan diri dengan golongan OKU. - Bernama



Perkasa ekonomi masyarakat miskin

Seremban: Menaik taraf sistem perparitan dan memperkasakan ekonomi kelompok masyarakat miskin di Paroi. Itu agenda utama Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Paroi, Mohamad Taufek Abd Ghani dalam usaha membantu masyarakat setempat.

Taufek berkata, pihaknya mendapati ada sebahagian sistem perparitan di beberapa taman perumahan di kawasan itu yang terlalu lama dan rosak hingga mengundang banjir kilat.

"Sebagai kawasan pinggir bandar, Paroi memerlukan kemudahan infrastruktur terutama sistem perparitan lebih baik untuk keselesaan penduduknya selaras kawasan perbandaran baru.

"Kami dapati beberapa lokasi perumahan lama yang berusia lebih 20 tahun seperti Taman Marida dan Taman Senawang Jaya yang memerlukan sistem perparitan dinaik taraf kerana banyak pecah.

"Usaha ini diberikan tumpuan kerajaan Pakatan Harapan (PH) sejak pengiktirafan Seremban yang bakal dinyatakan sebagai bandar raya pada Januari tahun depan," katanya ketika ditemui di Sekolah Menengah Kebangsaan Senawang di sini, semalam.

Beliau berkata, pihaknya bekerjasama dengan pihak berkuasa tempatan (PBT) untuk memastikan permasalahan berkaitan infrastruktur itu ditangani dengan baik.

Berkaitan usaha meningkatkan taraf hidup dan pencapaian ekonomi penduduk, Mohamad Taufek berkata, lebih banyak peluang dalam bidang sosioekonomi dan bantuan diberikan.

"Di kawasan ini, ada empat lokasi penduduk berpendapatan rendah yang tinggal di Rumah Pangsa PPR Bersepadu Senawang memerlukan perhatian dan bantuan.

"Kerajaan negeri memastikan mereka terus dibela menerusi program pembangunan sosioekonomi, supaya jurang dalam masyarakat dapat dikecilkan dan kelompok kemiskinan bandar terus berkurangan," katanya.

MOHAMAD Taufek melawat tapak persiaga bazar di Dataran Senawang.



MAKLUM BALAS

MPS: Jalan Sikamat akan dinaik taraf

SEREMBAN 20 Sept. - Majlis Perbandaran Seremban (MPS) sedang berusaha menyediakan peruntukan bagi kerja-kerja menaik taraf Jalan Sikamat di sini bagi memberi keselesaan kepada orang ramai.

Yang Dipertua MPS, Datuk Zazali Salahudin berkata, pihaknya menyedari masalah berkenaan dan akan cuba mencari penyelesaian terbaik.

"Pada masa ini kami sedang mencari peruntukan untuk membaik pulih jalan di kawasan itu.

"Mungkin kami akan berusaha dapatkan peruntukan daripada Sistem Maklumat Rekod Jalan Raya (Marris) untuk tujuan itu," katanya.

Beliau mengulas rintihan pengguna kenderaan ekoran Jalan Sikamat di sini sempit dan tidak sesuai bagi menampung jumlah kenderaan yang meningkat setiap hari.

Keadaan trafik yang sesak turut mengundang bahaya kepada pelajar dari tiga buah sekolah yang menggunakan laluan berkenaan.

KEADAAN jalan yang sesak di Jalan Sikamat, Seremban terutama pada waktu puncak.

Tiga buah sekolah tersebut ialah Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Tunku Ampuan Durah, SMK Dato' Haji Mohd. Redza dan Sekolah Menengah Sains Seremban.

Sementara itu, Zazali tidak menjelaskan berapa jumlah peruntukan yang diperlukan bagi menaik taraf jalan terbabit.

Beliau meminta orang ramai supaya bersabar dengan situasi di jalan tersebut dan berjanji masalah tersebut akan cuba diselesaikan.



MPS gesa segera bayar tunggakan cukai

SEREMBAN - Tindakan tegas termasuk tindakan mahkamah akan dikenakan kepada pemilik harta yang enggan menjelas tunggakan bayaran cukai taksiran dan kompaun.

Yang Dipertua Majlis Perbandaran Seremban (MPS), Datuk Zazali Salehudin berkata, pihaknya meneliti tunggakan melibatkan pembayaran cukai taksiran, kompaun lalu lintas serta kompaun terhadap semua premis dan kuadaan.

Menurutnya, pihaknya akan meningkatkan penguatkuasaan bagi memastikan pemilik harta tidak lari daripada tanggungjawab mereka, menjelaskan semua bayaran serta tunggakan.

"Kita kenal pasti semuanya, ada libatkan ubahsuai bangunan tanpa kebenaran, rumah semak samun; tiada lesen anjing, iklan tanpa lesen, rumah urut tanpa lesen, penjaja tanpa lesen, halangan kaki lima libatkan individu dan syarikat.

"MPS dapati terdapat banyak tunggakan yang melibatkan perkara ini walaupun amaran tegas telah diambil, malangnya ia masih belum mencapai sasaran yang ditetapkan," katanya dalam satu kenyataan.

ZAZALI

Zazali berkata, buat masa ini, tunggakan tertinggi adalah daripada cukai taksiran yang mencecah RM434.88 juta manakala tunggakan kompaun lalu lintas melebihi RM30 juta sejak dikuatkuasakan.

Katanya, tiba masanya tindakan tegas diambil kepada mereka yang enggan menjelaskan tunggakan ini.

"Pada 2018, 325 kes difailkan ke mahkamah bagi kesalahan lalu lintas, manakala bagi kesalahan lain 180 kes, dan bagi yang enggar. hadir ke mahkamah, waran tangkap boleh dikeluarkan mahkamah," katanya.

UNIT KORPORAT & INOVASI